

BANDAR RAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



KONVOI KERETA KLASIK

HANGATKAN SAMBUTAN
'RAKYAT DISANTUNI'
SUBANG JAYA

m/s 21



MBSJ RAIH ANUGERAH
'EXCELLENCE IN URBAN
ENVIRONMENTAL
MANAGEMENT AWARD'

m/s 3

MBSJ TERIMA WATIKAH
BAPA ANGKAT
KONTINJEN SUKMA
SELANGOR 2026

m/s 36



FORUM ASEAN 2025
PERKUKUH KERJASAMA BANDAR
RAYA MAMPAN

m/s 7



Imbas
Kod QR
untuk mengakses
Buletin Bandar Raya
dalam talian



ISI KANDUNGAN

MBSJ TERIMA PENGHARGAAN RAKAN STRATEGIK PLATS SELANGOR 2025.....	3	AUDIT AIGA 2025 NILAI INTEGRITI DAN TADBIR URUS MBSJ.....	17	3,072 GAGAK DITEMBAK DALAM OPERASI MBSJ 2025.....	28
PENGKIRTAFAN BUAT MBSJ DI KONVENSYEN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ).....	3	MBSJ HARGAI PEMBAYAR CUKAI MELALUI PENGEDARAN TONG SAMPAH MGB.....	18	LATIHAN 'ERE EX' SUBANG PERKUKUH KESIAPSIAGAAN DAN KECEKAPAN AGENSI.....	28
MBSJ RAIH ANUGERAH 'EXCELLENCE IN URBAN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT AWARD'.....	3	KEMPEN CEGAH DENGGI MBSJ 2025 GERAKKAN KOMUNITI KE ARAH BANDAR SIHAT.....	18	TINDAKAN BERSEPADU MBSJ ROBOHKAN BINAAN TANPA KEBENARAN.....	29
KEJAYAAN CEMERLANG MBSJ DI MYPLACE AWARDS 2025.....	4	KEMPEN HAIWAN TERBIAR 2025 SUNTIK KESEDARAN KOMUNITI PRIHATIN.....	18	OPERASI BERSEPADU BANTERAS WARGA ASING BERNIAGA TANPA KEBENARAN.....	29
MBSJ SERTAI TOMORROW CITY SHANGHAI 2025 PERKUKUH PERANCANGAN BANDAR PINTAR KE ARAH ASPIRASI SMART NATION 2040.....	5	PROGRAM BANDAR SELAMAT CETUS KESEDARAN MAMPAN.....	19	TINDAKAN TEGAS MBSJ DALAM OPERASI BERSEPADU PREMIS BARANG LUSUH.....	29
MBSJ ANGKAT INOVASI DAN KREATIVITI BANDAR PINTAR DI SCCE25.....	5	BENGKEL 'ECO-PRINT' TINGKAT KEMAHIRAN DAN NILAI PASARAN PRODUK KOMUNITI.....	19	SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1447H / 2025M.....	30
MBSJ-MBI PERKUKUH TADBIR URUS KEWANGAN PATUH SYARIAH.....	5	MBSJ PERKASA WARISAN MELALUI BENGKEL MUZIK DAN TARIAN.....	19	PASAR PAGI PUCHONG JAYA BERWAJAH BAHARU.....	30
HARI CUCI MALAYSIA 2025 PERINGKAT MBSJ MEMUPUK BANDAR RAYA BERSIH DAN LESTARI.....	6	AKSARA 2024 HARGAI KOMUNITI STRATA CEMERLANG MBSJ.....	20	TOURISM INDUSTRY AWARDS 2025 SEMARAK TAHUN MELAWAT SELANGOR.....	31
MESYUARAT 'PRE-EXIT CONFERENCE' PENYATA KEWANGAN MBSJ TAHUN 2024.....	6	HUB DURIAN SUBANG JAYA SATUKAN SENI, SELERA DAN KOMUNITI.....	20	1,000 PESERTA SERTAI LARIAN BIM 2025.....	31
AUDIT PENGAWASAN CSM & AUDIT PENSIJILAN SEMULA TQM MBSJ 2025.....	6	KONVOI KERETA KLASIK HANGATKAN SAMBUTAN 'RAKYAT DISANTUNI' SUBANG JAYA.....	21	SEPAKAN PENALTI MBSJ 2025 GEGAR ARENA SUBANG JAYA.....	32
KERJASAMA SERANTAU DEMI PEMBANGUNAN MAMPAN.....	7	PROGRAM KONVOI MOTORSIKAL 'NO KRONI RIDE 1.0' MERIAHKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN WARGA MBSJ.....	21	MBSJ ANGKAT SUKAN KABADDI, RASMI GELANGGANG KOMUNITI PUCHONG UTAMA.....	32
FORUM ASEAN 2025 PERKUKUH KERJASAMA BANDAR RAYA MAMPAN.....	7	WARNA-WARNI KOMUNITI.....	22	MBSJ FC TAKLUKI WSL TIGA KALI JUARA.....	33
MBSJ DAN KDEB SOKONG KEMPEN KITAR SEMULA BOTOL PLASTIK.....	8	SEMINAR PERLUASAN CUKAI PERKHIDMATAN PERKUKUH KESIAPSIAGAAN PBT DAN GLC.....	24	KEMERIAHAN LIGA WANITA NASIONAL DI ARENA MBSJ.....	33
SEMINAR ANTIRASUAH NEGERI SELANGOR PERKUKUH INTEGRITI AHLI MAJLIS.....	8	MAJLIS RAMAH MESRA PENGGERAK BELIA SELANGOR (PeBS) & PEMBENTANGAN PENGARAH JABATAN MBSJ.....	24	SEMANGAT KESUKUKAN WARNAI KEJOHANAN BOWLING MBSJ.....	34
PENILAIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MBSJ MANTAPKAN TADBIR URUS BERINTEGRITI.....	8	PROGRAM TAKLIMAT IMUNISASI TAMBAHAN MR BERSAMA PKD PETALING.....	24	CABARAN JORAN MERDEKA MBSJ 2025 RAI SAMBUTAN LUAR BIASA.....	34
MBSJ SERTAI PAMERAN THE 8TH ASEAN SMART CITY NETWORK ANNUAL MEETING (ASCN 8).....	9	WACANA EKSEKUTIF BERSAMA JOHAN QARI ANTARABANGSA PERKASA NILAI ROHANI WARGA KERJA.....	25	KEJOHANAN BILLIARD DATUK BANDAR SEMARAK SAMBUTAN ULANG TAHUN MBSJ KE-5.....	35
KPKT KUNJUNGI MBSJ TINJAU PELAKSANAAN PROJEK MYKIOSK.....	9	MBSJ SERTAI PROGRAM KERETAPI SARONG 2025 SEMPENA HARI MALAYSIA.....	26	KEJOHANAN PICKLEBALL 2025 ANGKAT SUKAN BAHARU KOMUNITI SUBANG JAYA.....	35
LAWATAN VERIFIKASI KPKT KE MBSJ SEMPENA KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR 2025.....	9	SENI DAN WARISAN SELANGOR SEMARAK PERPADUAN KOMUNITI.....	26	SELANGOR LANCAR LOGO, MASKOT DAN COUNTDOWN SUKMA XXII & PARA SUKMA 2026.....	36
PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM SELANGOR SULAMI SEMANGAT KEBANGSAAN.....	10	HARI MALAYSIA DIRAI DENGAN SEMANGAT KEBERSAMAAN DI SUBANG JAYA.....	26	MBSJ TERIMA WATIKAH BAPA ANGKAT KONTINJEN SUKMA SELANGOR 2026.....	36
MAJLIS SYARAHAN KEBANGSAAN 2025 BERSAMA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR.....	10	RIBUAN WARGA SUBANG JAYA JAYAKAN HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA DAN HARI TERBUKA PPD PETALING PERDANA.....	27	PUSPANITA MBSJ SEMARAK UKHUWAH MELALUI SUKAN WOODBALL 2025.....	37
FESTIVAL BON ODORI 2025 PERKUKUH KEHARMONIAN BUDAYA JEPUN DAN MALAYSIA.....	10			MBSJ ANJUR KEJOHANAN WOODBALL TERBUKA SELANGOR SIRKIT KEBANGSAAN SIRI 3/2025 & JEMPUTAN ANTARABANGSA.....	37
SEMANGAT PATRIOTIK MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-68 PERINGKAT SELANGOR.....	11			PENYERAHAN BENDERA SUNTIK SEMANGAT KONTINJEN MBSJ KE SUKANUN 2025.....	38
RMS LANCAR SUMAITA SEMPENA HARI AIR SEDUNIA 2025.....	12			KEJAYAAN CEMERLANG MBSJ DI KEJOHANAN SUKANUN KE-13.....	38
YANIS DILANCAR, SINAR BAHARU BUAT INSAN ISTIMEWA.....	12			PIALA SULTAN SELANGOR 2025 SINGGAH DI MBSJ HANGATKAN SIRI JELAJAH BOLA SEPAK NEGERI.....	39
SESI LIBAT URUS BELANJAWAN NEGERI SELANGOR 2026.....	12			PERLAWANAN PERSAHABATAN MBSJ FC DAN VETERAN SELANGOR SEMARAK SEMANGAT KESUKUKAN.....	39
PELANCARAN PELAN INDUK SIS PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGERI SELANGOR (PISPPANS).....	13			TSSC 2025 BUKA TIRAI BOLA SEPAK PERSAHABATAN SELANGOR JULANG PIALA SULTAN SELANGOR 2025.....	39
PESTA PANTAI BAGAN LALANG 2025 MERIAHKAN AGENDA PELANCONGAN SELANGOR.....	13				
PEMANTAUAN PROSES PEMULIHAN KEDIAMAN MANGSA KEBAKARAN DI PUTRA HEIGHTS.....	14				
LAWATAN PENANDAARAS MBSJ-PERBADANAN PUTRAJAYA PERKUKUH AMALAN TADBIR URUS.....	15				
TAKLIMAT 'ANTI SCAM' BENTUK WARGA MBSJ PEKA TEKNOLOGI.....	15				
KURSUS PRA PERSARAAN MBSJ PERSIAP WARGA KERJA HADAPI FASA BAHARU.....	15				
BENGKEL AI PERKASA TRANSFORMASI DIGITAL MBSJ.....	16				
PROGRAM KESIHATAN MENTAL PERKUKUH KESEJAHTERAAN WARGA KERJA MBSJ.....	16				
BENGKEL 'TOD' PUCHONG SELARAS REKA BENTUK BANDAR MAMPAN.....	16				
PERHIMPUNAN BULANAN PERTAMA MBSJ 2025 SEMARAK SEMANGAT WARGA BANDAR RAYA.....	17				
MBSJ TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENYELIDIK UKM DAN INDONESIA.....	17				



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, D.I.M.P.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengaroh
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shaharolzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Noraishah binti Abdullah
Encik Mohd Fazly bin Naiman

MBSJ TERIMA PENGHARGAAN RAKAN STRATEGIK PLATS SELANGOR 2025



Majlis Jalinan Sinergi & Apresiasi Rakan Strategik Platform Selangor (PLATS) 2025 yang berlangsung pada 15 Julai 2025 di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjadi pentas menghargai komitmen pelbagai pihak dalam memperkukuh ekosistem ekonomi digital negeri. Penyertaan MBSJ dalam inisiatif PLATS ini mencerminkan sokongan berterusan terhadap agenda ekonomi digital yang digerakkan Kerajaan Negeri Selangor.

Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang dalam ucapannya menekankan kepentingan kerjasama strategik antara kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi dan sektor swasta bagi memperkukuh jaringan keusahawanan digital di Selangor. Pendekatan ini turut memperlihatkan usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperluas peluang ekonomi serta memperkukuh inovasi berasaskan teknologi.

Sepanjang program, pelbagai pengisian diadakan termasuk pengumuman enam rakan strategik baharu PLATS iaitu Media Selangor, Perbadanan Nasional Berhad



(Pernas), MYNIC, STDC, SIRIM dan Red Giant Creative House. Turut diselitkan ialah pameran PLATS yang memperkenalkan produk dan perkhidmatan usahawan mikro serta perusahaan kecil sederhana (IKS), di samping sesi jaringan strategik antara peserta bagi memperkukuh sinergi dan peluang kerjasama.

Kemuncak majlis ialah penyampaian sijil penghargaan kepada 12 PBT di Selangor sebagai tanda apresiasi atas sokongan terhadap pelaksanaan PLATS. MBSJ menerima sijil penghargaan tersebut yang disampaikan kepada YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar,

MBSJ. Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan MBSJ dalam memperkasakan komuniti usahawan mikro dan IKS, selaras dengan aspirasi menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya progresif, berdaya saing dan mendukung agenda ekonomi digital Negeri Selangor.



PENGIKTIRAFAN BUAT MBSJ DI KONVENSIEN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)



Sekitar Konvensyen Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzi bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, bertempat di Bankuet Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam pada 4 September 2025.

Konvensyen yang melibatkan penyertaan daripada 43 jabatan, termasuk Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan Berkanun, diadakan bagi menghargai sumbangan wakil pekerja terdahulu serta menyerahkan surat lantikan kepada wakil pekerja baharu bagi penggal seterusnya.

Dalam majlis tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) turut menerima Sijil Penghargaan Keaktifan Pelaksanaan MBJ Tahun 2024, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan penglibatan aktif MBSJ dalam pelaksanaan MBJ di peringkat pentadbiran.

Sijil tersebut telah disampaikan kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, dan YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ.

Pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga kerja MBSJ untuk terus memperkukuh hubungan dua hala antara majikan dan pekerja, serta memastikan pelaksanaan MBJ sentiasa relevan dan efektif dalam meningkatkan produktiviti serta kesejahteraan organisasi.



MBSJ RAIH ANUGERAH 'EXCELLENCE IN URBAN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT AWARD'



Tahniah diucapkan kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kerana telah menerima "Excellence in Urban Environmental Management Award" pada 8 September 2025, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan inisiatif berterusan MBSJ dalam pengurusan alam sekitar bandar.

Anugerah berprestij ini diberikan sebagai penghargaan kepada inisiatif program usahasama SELkitar, pelaksanaan pengurusan sisa dari punca melalui kutipan bahan kitar semula dari pintu ke pintu, serta usaha berterusan MBSJ dalam melaksanakan program kesedaran dan aktiviti kitar semula di peringkat komuniti.

Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Dato' Ir. Gs. Dr. Mohd Azhar bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, sempena 20th Anniversary of Waste Management

Association of Malaysia (WMAM) Annual Conference 2025 yang berlangsung di The Royal Chulan, Kuala Lumpur.

Kejayaan ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam memperkukuh usaha ke arah bandar raya yang lestari, bersih dan hijau. Pengiktirafan ini juga menjadi pemangkin semangat untuk terus memperhebat pelaksanaan inisiatif hijau, sejajar dengan visi MBSJ menuju ke arah "Smart, Sustainable and Vibrant City."



KEJAYAAN CEMERLANG MBSJ DI MYPLACE AWARDS 2025



Syabas dan tahniah diucapkan kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) atas kejayaan cemerlang merangkul dua (2) anugerah dalam MyPLACE Awards 2025 anjuran Malaysian Institute of Planners (MIP) yang telah berlangsung di Le Meridien Hotel, Petaling Jaya pada 12 September 2025.

Pengiktirafan berprestij ini telah disampaikan kepada YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ serta pegawai-pegawai MBSJ yang bersama-sama merayakan kejayaan tersebut dengan penuh rasa bangga.

Dalam majlis tersebut, MBSJ telah berjaya meraih dua anugerah utama menerusi projek-projek berimpak tinggi yang menunjukkan komitmen agensi ini terhadap pembangunan bandar mampan dan kesejahteraan komuniti.

MBSJ telah berjaya meraih Tempat Kedua (Silver) bagi Kategori Community and Neighbourhood Park (Subkategori: Public Park) melalui projek bertajuk "Promoting Woodball in Community Parks: A Neighbourhood Sports Initiative Local Government."

Projek ini menonjolkan usaha MBSJ dalam memperkenalkan sukan woodball sebagai aktiviti riadah komuniti di taman-taman awam sekitar Subang

Jaya. Inisiatif ini telah menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kota.

Selain itu, MBSJ turut dianugerahkan Tempat Ketiga (Bronze) bagi Kategori Urban Farming menerusi projek "Hub Pendidikan Kebun Komuniti Strata." Projek ini memberi fokus kepada pembangunan kebun komuniti berasaskan pendidikan dan pembelajaran praktikal. Melalui inisiatif ini, MBSJ berjaya memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar serta menggalakkan penghasilan sumber makanan segar di kawasan kediaman berstrata.

Kejayaan ini jelas membuktikan iltizam MBSJ dalam memperkukuh elemen perancangan bandar lestari, inovasi komuniti hijau, serta pembangunan bandar yang berdaya huni dan inklusif.

Pengiktirafan di peringkat kebangsaan ini juga menjadi pemangkin kepada MBSJ untuk terus meneroka idea baharu dan memperluas kolaborasi strategik demi kesejahteraan warga Subang Jaya selaras dengan visi menuju Bandar Raya Mampan dan Sejahtera.



MBSJ ANGKAT INOVASI DAN KREATIVITI BANDAR PINTAR DI SCEE25



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah turut serta dalam Selangor Creative Economy Expo 2025 (SCEE25) yang berlangsung pada 23 hingga 24 September 2025 bertempat di MBSA Convention Centre, Shah Alam.

Penyertaan MBSJ dalam SCEE25 merupakan usaha strategik untuk menentengahkan inisiatif serta projek berteraskan bandar pintar dan ekonomi kreatif, sejajar dengan aspirasi 'Subang Jaya Smart Vibrant City'. Reruai pameran MBSJ menampilkan pelbagai pendekatan inovatif dalam penyampaian perkhidmatan bandar seperti sistem digitalisasi data, aplikasi komuniti serta inisiatif hijau yang menyokong pembangunan mampan.

DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin turut mencemari duli melawat reruai MBSJ, diiringi YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk

Bandar MBSJ bersama Ketua-ketua Jabatan dan pegawai MBSJ.

Pada Majlis Penutup SCEE25, DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj turut berkenan melawat reruai MBSJ, disambut oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama barisan pegawai MBSJ.

Penyertaan MBSJ dalam SCEE25 bukan sekadar mempamerkan hasil kerja dan inovasi, tetapi juga memperkukuh jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, industri serta komuniti kreatif tempatan. Langkah ini memperlihatkan kesungguhan MBSJ dalam merealisasikan pembangunan ekonomi kreatif bandar yang mampan, pintar dan berpaksaan rakyat – ke arah menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya contoh yang progresif dan berdaya saing.

MBSJ SERTAI TOMORROW CITY SHANGHAI 2025 PERKUKUH PERANCANGAN BANDAR PINTAR KE ARAH ASPIRASI SMART NATION 2040



PLANMalaysia melalui Pusat Perancangan Bandar Pintar (PLAN-BP) telah menjemput Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk menyertai Tomorrow City Shanghai 2025 yang berlangsung pada 1 hingga 4 September 2025 bertempat di Shanghai, China.

Program antarabangsa ini menghimpunkan pelbagai agensi, pakar bandar pintar serta Pihak Berkuasa Tempatan dari dalam dan luar negara bagi bertukar pandangan, membincangkan cabaran urbanisasi serta meneroka teknologi terkini ke arah membentuk bandar masa hadapan yang mampan dan berdaya saing.

Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia, bersama 99 wakil agensi persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh negara.

MBSJ pula diwakili oleh Cik Suzanan Hanim Wong, Ahli Majlis MBSJ MPP Zon 21; Encik Samzol bin Saat, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat MBSJ, serta pegawai MBSJ.

Dalam penyertaan tersebut, MBSJ telah berkongsi perancangan dan inisiatif bandar pintar melalui Slot Closed-Door Meeting bertajuk "Subang Jaya Smart Vibrant City" yang menekankan pendekatan MBSJ dalam memperkasakan pembangunan mampan berasaskan teknologi, komuniti dan daya huni bandar.

Selain itu, delegasi MBSJ turut menyertai sesi 'Business Matching' bersama Dahua Technology bagi membincangkan potensi kerjasama strategik dalam pelaksanaan sistem CCTV berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) melalui 'Dahua Intelligent Traffic Solution', yang mampu meningkatkan keberkesanan pemantauan keselamatan dan pengurusan lalu lintas di Subang Jaya.

Penyertaan MBSJ dalam 'Tomorrow City Shanghai 2025' bukan sahaja memperkukuh jaringan strategik antarabangsa tetapi juga memperkukuh komitmen MBSJ untuk menjadi antara peneraju utama pembangunan Bandar Pintar Inklusif di Malaysia, seiring dengan aspirasi Smart Nation 2040.

MBSJ-MBI PERKUKUH TADBIR URUS KEWANGAN PATUH SYARIAH



Komitmen terhadap tadbir urus kewangan berasaskan prinsip syariah terus diperkukuh apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengadakan lawatan penandaarasan strategik ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 1 Julai 2025, bertempat di Bilik Gerakan, Aras 2, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Lawatan ini diketuai oleh Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar, Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBSJ, bagi meninjau pelaksanaan sistem pengurusan kewangan patuh syariah yang telah berjaya diaplikasikan oleh MBI.

MBSJ turut merakamkan ucapan terima kasih kepada MBI atas kesediaan menerima kunjungan serta berkongsi amalan terbaik dalam pelaksanaan sistem kewangan berteraskan syariah. Pengalaman yang diperoleh daripada sesi ini menjadi nilai tambah penting dalam usaha memperkukuh kecekapan, ketelusan dan integriti pengurusan kewangan di MBSJ.

Perkongsian strategik ini diharap menjadi pemangkin kepada pelaksanaan sistem kewangan yang lebih efisien, berintegriti dan mampan. MBSJ kekal komited melakar kecemerlangan dalam tadbir urus kewangan demi manfaat warga Subang Jaya serta pembangunan bandar yang sejahtera.

Majlis pembukaan audit telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Ketua-Ketua Jabatan, Penyelaras Kualiti, Pasukan Inspektorat Kualiti Dalam (IKD), serta wakil jabatan. Sesi pengauditan diketuai oleh Encik Mohd Shahri bin Mohd Arshad, Ketua Auditor ABMS merangkap Ketua Auditor Keseluruhan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang mengemudi keseluruhan proses penilaian.

Majlis penutup telah berlangsung pada 9 Mei 2025 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain, Timbalan Datuk Bandar. Kejayaan MBSJ mengekalkan kesemua pensijilan tersebut menyerlahkan kecekapan, ketelusan dan kesungguhan organisasi dalam mengamalkan budaya pengurusan berkualiti secara berterusan. Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBSJ atas dedikasi tinggi yang terus memacu kecemerlangan perkhidmatan Majlis ke arah pawiawan dunia.





HARI CUCI MALAYSIA 2025 PERINGKAT MBSJ MEMUPUK BANDAR RAYA BERSIH DAN LESTARI



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited dalam memastikan penjagaan kebersihan bandar raya dengan menganjurkan Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Seluruh Negara Sempena World Cleanup Day 2025 peringkat MBSJ yang telah berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Bandar, USJ 3C, Subang Jaya.

Program dimulakan dengan penanaman pokok oleh Ketua-Ketua Jabatan MBSJ, pegawai KDEB Waste Management (KDEBWM) serta wakil penduduk Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 4. Program turut diserikan dengan persembahan senam pagi (line dance) oleh Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Subang Jaya.

Selain lokasi utama, program ini dilaksanakan secara serentak di 14 lokasi berbeza merangkumi kawasan MPP Zon 1, 3, 4, 6, 7, 8, 9, 12, 13, 14, 21, 22, 23 dan 24 dengan penyertaan aktif Ahli Majlis Perwakilan Penduduk dan komuniti setempat.

Seramai 528 peserta mengambil bahagian, terdiri daripada warga kerja MBSJ, KDEBWM, Sumitomo Electric Wintec Malaysia Sdn. Bhd. serta penduduk sekitar. Sepanjang program, MBSJ berjaya mengutip jumlah keseluruhan sisa sebanyak 10,208.33 kg, merangkumi:

- 1,029.03 kg sisa kitar semula
- 7,926.90 kg sisa bukan kitar semula
- 283.79 kg e-sisa (113 unit)
- 968.61 kg minyak masak terpakai



Program ini turut menampilkan aktiviti kesedaran kitar semula dan kutipan bahan kitar semula oleh Nestlé Malaysia dan KPT Recycle, kutipan minyak masak terpakai oleh RP Gilang Resources Sdn. Bhd., kutipan e-sisa oleh MK Sustainable Scrap Sdn. Bhd., edaran abate percuma, pameran cegah denggi, serta kaunter promosi dan pendaftaran aplikasi Sistem i-Clean oleh KDEBWM.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta yang telah memberikan komitmen sepenuhnya dalam menjayakan program ini, selaras dengan visi MBSJ untuk menjadikan Subang Jaya sebuah bandar raya bersih, sihat dan lestari.



MESYUARAT 'PRE-EXIT CONFERENCE' PENYATA KEWANGAN MBSJ TAHUN 2024



Mesyuarat 'Pre-Exit Conference' bagi Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah berlangsung pada 11 September 2025.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar, Pengarah Perbendaharaan, MBSJ serta dihadiri oleh Timbalan Pengarah Audit Negara Negeri Selangor, Dr. Yati binti Md. Lasa dan Encik Muhammad Sanusi bin Ismail selaku wakil rakan kongsi firma audit yang dilantik.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan serta menyelaraskan isu-isu penemuan audit berhubung Penyata Kewangan MBSJ. Sesi pengauditan tersebut telah dijalankan oleh



Firma Audit Swasta Tetuan Bal & Partners yang mewakili Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor bermula dari 15 Mei hingga 28 Jun 2025.

Penganjuran mesyuarat ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan keutuhan tadbir urus kewangan selaras dengan amalan terbaik sektor awam.

AUDIT PENGAWASAN CSM & AUDIT PENSIJILAN SEMULA TQM MBSJ 2025



Sesi Audit Pengawasan Customer Service Management (CSM) dan Audit Pensijilan Semula Total Quality Management (TQM) Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah berlangsung pada 11 dan 12 September 2025 bertempat di Bilik Tetamu, Ibu Pejabat MBSJ.

Sesi auditan ini telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik MBSJ. Pengauditan bagi pensijilan CSM telah diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Kadir Othman bersama YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Khirzanbadzli Rahman, manakala pengauditan bagi pensijilan TQM pula diketuai oleh Tuan Haji Kamarizan bin Muhammad Idris bersama Tuan Haji Roslan bin Ghazali.

Audit ini dijalankan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan



kualiti dan perkhidmatan pelanggan MBSJ terus memenuhi piawaian yang ditetapkan, selaras dengan matlamat organisasi dalam memperkukuh tadbir urus dan kecemerlangan perkhidmatan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBSJ atas komitmen tinggi serta kerjasama padu yang telah diberikan sepanjang tempoh auditan ini dijalankan.





KERJASAMA SERANTAU DEMI PEMBANGUNAN MAMPAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Sunway Group telah menerima kunjungan Lawatan Teknikal ke Sunway bersempena penganjuran ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF), ASEAN Governors and Mayors Forum (AGMF) serta Meeting of Governors and Mayors of ASEAN Capitals (MGMAC) 2025 yang berlangsung pada 11 Ogos 2025 bertempat di Sunway Resort Hotel, Selangor.

Kehadiran delegasi telah disambut oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar,



MBSJ, bersama Encik Ong Pang Yen, Executive Director, Chairman's Office Sunway Group serta Encik Syamsul Erwin Muhamad Legis dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut hadir memberikan sokongan ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan, MBSJ.

Lawatan ini menjadi platform penting bagi memperkukuh jaringan kerjasama



strategik antara bandar raya di rantau ASEAN serta membuka ruang kepada perkongsian ilmu dalam pelaksanaan inisiatif pembangunan mampan. Delegasi turut berpeluang meninjau pelbagai projek bandar pintar dan kemampunan yang dilaksanakan di kawasan Sunway sebagai model pembangunan urban lestari.

Melalui hubungan serantau yang semakin erat ini, MBSJ komited meneruskan peranan aktif dalam agenda pembangunan mampan serantau yang berpaksikan inovasi, tadbir urus inklusif dan kesejahteraan komuniti. Kerjasama strategik ini diharap

dapat dimanfaatkan secara bersama ke arah membentuk bandar raya yang inklusif, progresif dan berdaya tahan, seiring aspirasi menjadikan Subang Jaya bandar raya rujukan ASEAN.



FORUM ASEAN 2025 PERKUKUH KERJASAMA BANDAR RAYA MAMPAN



kerjasama strategik dalam pelaksanaan inisiatif pembangunan mampan.

Dalam program yang sama, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) juga turut membuka reruai pameran di Selangor Pavilion bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor yang telah berlangsung dari 12 hingga 14 Ogos 2025.

MBSJ juga turut menganjurkan sesi Pocket Talk bertajuk "Advancing SDGs Initiatives Through Circular and Digital Economy in Subang Jaya City", dikendalikan oleh TPr. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah, Jabatan

Perancangan Bandar, MBSJ, bersama panel jemputan Puan Hajah Sharifah binti Abdul Rahman, Pengarah, Jabatan Hasil, MBSJ, dan Puan Azlina binti Mat Salim, Pengarah, Jabatan Landskap, MBSJ.

Penyertaan ini menjadi platform strategik bagi MBSJ mempersembahkan pelbagai inisiatif, dasar dan pencapaian bandar raya dalam mendepani cabaran urbanisasi melalui pelaksanaan berasaskan inovasi, inklusiviti dan teknologi hijau. Langkah ini sejajar dengan komitmen terhadap agenda pembangunan mampan serta aspirasi menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya rujukan serantau.

Majlis Perasmian ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF), The ASEAN Governors and Mayors Forum (AGMF) serta Meeting of Governors and Mayors of ASEAN Capitals (MGMAC) 2025 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 12 Ogos 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Majlis berprestij ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, bersama YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Turut hadir mewakili Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai MBSJ.

Forum yang menghimpunkan para pemimpin bandar raya ASEAN ini menjadi wadah penting memperkukuh jaringan diplomatik, berkongsi amalan terbaik dan membina



MBSJ DAN KDEB SOKONG KEMPEN KITAR SEMULA BOTOL PLASTIK



MBSJ bersama KDEB Waste Management Sdn. Bhd. menyokong Kempen "Kumpul Botol Plastik" anjuran RTM Malaysia sempena Program Jelajah Aspirasi Malaysia 2025, yang menyasarkan pengumpulan 100,000 kilogram botol plastik dalam tempoh 14 hari bagi mencatat rekod Malaysia Book of Records (MBOR).

Sebagai tanda komitmen, MBSJ dan KDEB menyerahkan 750 kilogram botol plastik di Pusat Transit Kitar Semula MBSJ-KDEB, Bandar Bukit Puchong, sebagai sebahagian daripada sasaran 9,000 kilogram pengumpulan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

Kempen ini menjadi platform penting memupuk kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula, selain memperkukuh tanggungjawab bersama

dalam memelihara alam sekitar demi menjadikan Subang Jaya sebuah bandar raya hijau dan lestari.



SEMINAR ANTIRASUAH NEGERI SELANGOR PERKUKUH INTEGRITI AHLI MAJLIS



Seminar Antirasuah Bersama Ahli Majlis Negeri Selangor yang berlangsung pada 15 Julai 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjadi platform penting dalam memperkukuh nilai integriti dan kefahaman terhadap pengurusan dana awam di peringkat kerajaan tempatan.

Program ini dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), selaras dengan tema "Dana Pembangunan Manfaat Rakyat".



Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Timbalan Pesuruhjaya Ahmad Nizam bin Ismail, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM. Turut hadir pimpinan tertinggi MBSJ, MPAJ dan MPKJ serta Ahli Majlis Negeri Selangor sebagai tanda sokongan terhadap usaha memperkukuh amalan tadbir urus berintegriti.

Antara pengisian utama seminar termasuk ceramah bertajuk "Rasuah atau Hadiah" yang disampaikan oleh Tuan

Sekhar a/I Mariappan, Ketua Penolong Kanan Penguasa, SPRM, dan Tuan Kesavan a/I Rathakrishnan, Penolong Kanan Penguasa, SPRM daripada Cawangan Sosiobudaya dan Politik.

Selain itu, seminar turut menampilkan sesi dialog bertemakan "Dana Pembangunan Manfaat Rakyat" yang dikendalikan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ selaku moderator, bersama barisan panel terdiri daripada



YBrs. Puan Aini binti Awang Muda, Ketua Cawangan Sosiobudaya dan Politik, SPRM; YBrs. Ts. Tuan Haji Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua, MPAJ; dan YBrs. Tuan Mohd. Fareez bin Mohd. Ariss @ Mohd. Hatta, Timbalan Yang Dipertua, MPKJ.

Seminar ini bukan sahaja menjadi platform ilmu, malah menyerlahkan komitmen bersama untuk menjadikan integriti sebagai asas pentadbiran.

Dengan semangat kebersamaan ini, Ahli Majlis diharap dapat terus berperanan sebagai ejen perubahan dalam memastikan pembangunan yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, selaras dengan prinsip tadbir urus berakuntabiliti dan telus.

PENILAIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MBSJ MANTAPKAN TADBIR URUS BERINTEGRITI



Komitmen terhadap pengurusan keselamatan yang cekap dan berintegriti terus diperkukuh apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melaksanakan Sesi Pembukaan Penilaian Kendiri Keselamatan Perlindungan bersama Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Selangor pada 14 Ogos 2025 di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Sesi penilaian ini diketuai oleh Puan Nurul Adha binti Yahaya, Timbalan Pengarah,

CGSO Negeri Selangor, dan merupakan program tahunan wajib bagi memastikan setiap jabatan MBSJ mematuhi tatacara keselamatan perlindungan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Melalui pelaksanaan sesi ini, MBSJ terus komited memperkukuh aspek keselamatan organisasi agar pelaksanaan tugas lebih teratur, selamat dan berkesan, di samping memupuk budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga pentadbiran bandar raya.



MBSJ SERTAI PAMERAN **THE 8TH ASEAN SMART CITY NETWORK ANNUAL MEETING (ASCN 8)**



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan The 8th ASEAN Smart City Network Annual Meeting (ASCN 8) bertemakan "Fostering Stronger Cooperation Towards Common Goal for Smart and Sustainable Urban Development in ASEAN" yang berlangsung dari 9 hingga 10 September 2025 di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Majlis pembukaan rasmi telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ bersama Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai MBSJ turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

ASCN merupakan platform penting bagi mengukuhkan kerjasama serantau, memperkukuh perkongsian pengetahuan serta menggalakkan pelaksanaan penyelesaian bandar pintar yang menyokong transformasi digital, kelestarian dan kesejahteraan bandar-bandar di seluruh ASEAN.



Sebagai rakan strategik, MBSJ telah mewakili Negeri Selangor dalam penyertaan Malaysia Pavilion di Pameran Smart City Connect (SCC), yang menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), institusi pengajian tinggi serta penyedia teknologi bandar pintar.

Penyertaan ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa, selaras dengan visi untuk membangunkan bandar raya pintar, mampan dan berdaya huni yang memberi manfaat kepada komuniti serta menyumbang kepada kemajuan bandar-bandar ASEAN.



KPKT KUNJUNG MBSJ TINJAU PELAKSANAAN PROJEK MYKIOSK



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menerima kunjungan rasmi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 19 Ogos 2025 yang diketuai oleh Encik Mohamad Razi bin Azmi, Ketua Penolong Pengarah Kanan, KPKT, bagi meninjau pelaksanaan projek MyKiosk di kawasan pentadbiran MBSJ, termasuk Kiosk Bukit Lanchong dan MyKiosk Putra Heights.

Lawatan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta menambah baik kemudahan kepada komuniti setempat, khususnya usahawan kecil yang menjalankan perniagaan melalui program MyKiosk di bawah inisiatif kerajaan.



Delegasi turut meninjau lokasi kebakaran paip gas di Taman Perumahan Jalan Harmoni, Putra Heights, serta meneliti perkembangan semasa kerja-kerja pembaikan infrastruktur lampu jalan di kawasan tersebut yang melibatkan peruntukan sumbangan daripada KPKT.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Encik Mohd Tarmizi bin Lazim, Ahli Majlis, MBSJ, bersama pegawai-pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pelesenan, MBSJ.

LAWATAN VERIFIKASI KPKT KE MBSJ SEMPENA **KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR 2025**



Pada 3 September 2025, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menerima lawatan verifikasi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh Puan Farah Shahana binti Ramli, Ketua Penolong Pengarah Kanan, serta Datin Noorfazliza binti Ghapar Shah, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT.

Lawatan ini diadakan bagi tujuan semakan data dan tinjauan tapak susulan pencalonan MBSJ dalam senarai pendek 13 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terbaik bagi Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar 2025. Pemenang kempen ini akan diumumkan pada Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia 2025, yang dijadualkan berlangsung pada 9 Oktober 2025.

Kempen berkenaan merupakan inisiatif bersama antara MBSJ dan KPKT dalam memperkukuh pengurusan haiwan terbiar secara menyeluruh dan bersepadu. Pendekatan ini turut menekankan aspek kerjasama strategik antara masyarakat setempat, badan bukan kerajaan (NGO) serta



agensi-agensi berkaitan bagi memastikan kebajikan haiwan dan kesejahteraan komuniti bandar sentiasa terpelihara.

Turut hadir menyambut kunjungan pihak KPKT ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ; Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ; serta pegawai-pegawai kanan MBSJ yang turut berkongsi pelaksanaan inisiatif serta strategi pengurusan haiwan terbiar di bawah bidang kuasa MBSJ.

MBSJ komited untuk terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif pengurusan haiwan terbiar secara berterusan, selaras dengan matlamat mewujudkan bandar raya penyayang, sejahtera dan lestari.





PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM SELANGOR

*Sulami Semangat
Kebangsaan*



Perhimpunan Penjawat Awam Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah diadakan pada 4 Ogos 2025 (Isnin) di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam. Majlis ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, yang menyeru semua penjawat awam agar terus berkhidmat dengan komitmen dan integriti demi kemajuan negeri.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor 2025 sebagai usaha menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat. Sebagai simbolik pelancaran, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua-ketua Jabatan

Kerajaan Tempatan dan agensi negeri untuk digerakkan di kawasan pentadbiran masing-masing.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, bersama barisan pegawai-pegawai MBSJ sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif negeri ini. Kehadiran delegasi MBSJ mencerminkan semangat perpaduan dan tanggungjawab bersama dalam memperkasakan perkhidmatan awam yang cekap, berakuntabiliti dan berintegriti.

Majlis ini menjadi platform penting dalam menyatukan penjawat awam di bawah semangat kebangsaan dan cintakan tanah air. Nilai patriotisme yang dipupuk diharapkan dapat terus menjadi asas kekuatan seluruh agensi kerajaan negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Selangor.



MAJLIS SYARAHAN KEBANGSAAN 2025 BERSAMA YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



Majlis Syarahan Kebangsaan 2025 bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, telah berlangsung pada 29 Ogos 2025 bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam.



Majlis berprestij ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, bersama Ahli-ahli Majlis serta pegawai-pegawai MBSJ.

Dalam syarahannya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor menegaskan bahawa penghayatan Rukun Negara merupakan asas perpaduan rakyat serta tunjang

kemajuan negeri dan negara. Beliau turut menyeru semua penjawat awam agar memperkukuh nilai integriti, tanggungjawab, dan semangat kebersamaan dalam melaksanakan amanah serta tugas perkhidmatan. Penganjuran syarahan ini menjadi platform penting dalam menyemai kefahaman terhadap nilai murni, patriotisme dan jati diri kebangsaan, ke arah pembinaan masyarakat yang sejahtera dan progresif.



FESTIVAL BON ODORI 2025 PERKUKUH KEHARMONIAN BUDAYA JEPUN DAN MALAYSIA



Suasana penuh warna dan budaya antarabangsa menyerikan Festival "The 49th Bon Odori 2025" yang berlangsung di parkir terbuka Sunway City, Subang Jaya. Majlis perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bersama kehadiran YB Dato' Ng Suez Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor, serta YBrs. Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Penganjuran festival ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh kerjasama budaya dan pelancongan antarabangsa, khususnya bersama Jepun. Bon Odori yang bermula sebagai inisiatif komuniti Jepun di Malaysia kini berkembang menjadi festival tahunan berskala besar yang menarik penyertaan masyarakat tempatan dan antarabangsa, sekaligus mempererat hubungan diplomatik serta persefahaman budaya antara kedua-dua negara.



Festival yang berlangsung selama dua hari, iaitu pada 12 dan 13 Julai 2025 dari jam 4.00 petang hingga 11.00 malam, menawarkan kemegahan percuma kepada pengunjung. Lebih daripada 100 gerai jualan mengambil bahagian dengan menawarkan pelbagai pilihan makanan jalanan Jepun, termasuk



hidangan mesra Muslim, selain barangan tradisional dan cenderamata yang mendapat sambutan hangat daripada pengunjung pelbagai lapisan masyarakat.

Acara turut dimeriahkan dengan persembahan tarian tradisional Bon Odori, muzik Jepun serta aktiviti interaktif budaya yang memberi peluang kepada pengunjung merasai pengalaman budaya Jepun dengan lebih dekat. Menurut laporan, festival ini berjaya menarik kehadiran lebih 50,000 pengunjung, sekaligus menjadikannya antara acara kebudayaan terbesar di Selangor yang memperkukuh semangat keterbukaan dan keharmonian budaya antarabangsa.

Secara keseluruhan, Festival Bon Odori 2025 bukan sahaja memperkukuh hubungan antara Malaysia dan Jepun, malah menyerlahkan keterbukaan serta keharmonian masyarakat Malaysia dalam meraikan kepelbagaian budaya di peringkat antarabangsa, seiring dengan visi bandar raya Subang Jaya sebagai bandar moden, inklusif dan berdaya saing global.

SEMANGAT PATRIOTIK MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-68 PERINGKAT SELANGOR



Sambutan Hari Kebangsaan ke-68 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2025 berlangsung penuh semangat patriotik dan kemeriahan di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 30 Ogos 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, bersama Ahli Majlis dan pegawai-pegawai MBSJ.

Tahniah diucapkan kepada kontinjen MBSJ dan pasukan PANTAS MBSJ atas penyertaan cemerlang dalam acara perbarisan kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta perarakan Skuad Bencana Selangor.

Majlis ini menjadi simbol komitmen, dedikasi dan semangat patriotik seluruh warga dalam memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan, di samping memperkukuh perpaduan serta kecintaan terhadap tanah air. Penghargaan setinggi-tingginya diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan acara berprestij ini.



YANIS DILANCAR, SINAR BAHARU BUAT INSAN ISTIMEWA



DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) yang berlangsung pada 9 Ogos 2025 di Setia City Convention Centre. Baginda turut menzahirkan penghargaan atas usaha semua pihak dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan komuniti insan istimewa di negeri ini.

Majlis penuh bermakna ini turut dihadiri oleh YBhg. Datin Seri Masdiana Muhamad, isteri kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YB Puan Anfaal binti Saari, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif, YANIS, serta YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan

Datuk Bandar, MBSJ, bersama Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan, MBSJ.

Penubuhan YANIS memberi tumpuan kepada usaha membela dan memperjuangkan kebajikan serta masa depan anak-anak kurang upaya (OKU) di Selangor. Melalui yaysan ini, pelbagai inisiatif akan digerakkan bagi memperluas peluang, memperkukuh sokongan komuniti serta memastikan kehidupan golongan OKU lebih inklusif dan sejahtera.

MBSJ menzahirkan rasa bangga atas penubuhan YANIS dan terus komited memperkukuh jaringan kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan, agensi negeri serta komuniti dalam menjayakan agenda kebajikan OKU di peringkat akar umbi.



A SELANGOR



Pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam

memastikan golongan istimewa mendapat tempat sewajarnya dalam pembangunan negeri.



RMS LANCAR SUMAITA SEMPENA HARI AIR SEDUNIA 2025



DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke Laman Budaya, Taman Tasik Shah Alam pada 2 Ogos 2025 bagi merasmikan sambutan Hari Air Sedunia (HAS) 2025 peringkat Negeri Selangor serta melancarkan Maskot SUMAITA, simbol kesedaran baharu terhadap pemuliharaan sumber air anjuran Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Keberangkatan baginda menyerikan majlis yang berlangsung dalam suasana penuh semangat dan nilai kelestarian.

Turut hadir menyerikan majlis ialah YBhg. Dato' Dr. Ahmad Fadzi bin Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Datuk Dr. Haniff bin Zainal Abidin, Tuan Lau Weng San, serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ bagi menyatakan sokongan



terhadap usaha memperkukuh kesedaran awam mengenai kepentingan penjagaan sumber air dan kelestarian negeri.

Sambutan ini turut memperlihatkan sinergi kukuh antara agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat dalam memperkasa agenda kelestarian negeri. Peranan aktif semua pihak menggambarkan keprihatinan bersama terhadap pengurusan sumber semula jadi yang mampan demi kesejahteraan rakyat.

Usaha ini diharap dapat memperkukuh kefahaman masyarakat tentang pentingnya melindungi sumber air, seterusnya menyemai budaya lestari yang menjadi asas kesejahteraan komuniti dan kelangsungan alam sekitar.



SESI LIBAT URUS BELANJAWAN NEGERI SELANGOR 2026



Sesi Libat Urus Belanjawan Negeri Selangor 2026 bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah berlangsung bertempat di Sime Darby Convention Center, Kuala Lumpur.

Sesi ini berperanan memperkukuh proses penyediaan Belanjawan Negeri Selangor 2026 melalui pendekatan libat urus menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan bukan kerajaan (NGO), serta institusi penyelidikan dan ekonomi.

Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama pegawai-pegawai MBSJ bagi menyertai sesi perbincangan dan perkongsian pandangan strategik terhadap hala tuju pembangunan negeri.

Menurut YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Belanjawan Selangor 2026 akan memberi tumpuan kepada pemerkasaan modal insan, peningkatan produktiviti ekonomi, serta penguatkuasaan tadbir urus fiskal negeri. Beliau turut



menjelaskan bahawa belanjawan ini merupakan "bridging budget" – iaitu belanjawan peralihan yang menjadi jambatan antara Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang bakal dilaksanakan selepas 2026.

Dalam sesi tersebut, turut dilancarkan Selangor Economic Outlook Report 2026, yang menghimpunkan dapatan kajian dan tinjauan ekonomi negeri. Laporan ini berperanan sebagai panduan penting bagi memastikan dasar dan strategi belanjawan negeri lebih berpaksikan data serta sejajar dengan keperluan rakyat dan cabaran ekonomi semasa.

MBSJ melalui penglibatan dalam sesi libat urus ini terus menunjukkan komitmen dalam menyokong agenda pembangunan mampan negeri, selain memastikan keutamaan pembangunan bandar raya seiring dengan aspirasi Selangor Pintar, Makmur dan Berdaya Huni.



PELANCARAN PELAN INDUK SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGERI SELANGOR (PISPPANS)



Majlis Pelancaran Pelan Induk Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor (PISPPANS) telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Foyer Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), Shah Alam pada 10 September 2025.

YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor; YB Dato' Dr. Ahmad Fadli Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut hadir ke Mjalis tersebut. Turut serta, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Puan Ts. Azura binti Mohd Don, Pengarah Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ serta pegawai-pegawai MBSJ.

Pelan Induk ini dirangka selaras dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi memperkukuh sistem pengurusan sisa pepejal, kebersihan awam dan kelestarian alam sekitar di Negeri Selangor ke arah

negeri pintar, makmur dan berdaya huni.

Sebagai simbolik pelancaran, YAB Menteri Besar Selangor turut menyerahkan Pelan Induk tersebut kepada wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor.

Pelaksanaan PISPPANS dijangka menjadi pemacu utama dalam mempertingkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal serta memperkukuh komitmen kerajaan negeri dan PBT, termasuk MBSJ, dalam menjayakan agenda hijau demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian masa depan.



PESTA PANTAI BAGAN LALANG 2025 MERIAHKAN AGENDA PELANCONGAN SELANGOR



Majlis Perbandaran Sepang (MPS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Pesta Pantai Bagan Lalang @ Sepang 2025, yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Pantai Bagan Lalang, Sepang, pada 20 September 2025. Penganjuran ini merupakan salah satu inisiatif bagi memperkukuh sektor pelancongan negeri melalui penglibatan aktif masyarakat tempatan dan penganjuran aktiviti rekreasi berimpak positif kepada komuniti pesisir pantai.

Program dua hari yang berlangsung dari 20 hingga 21 September 2025 diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya pertandingan wau kapal dan istana pasir, persembahan silat pantai, serta kejohanan bola tampar dan bola sepak pantai. Turut diadakan pameran dan gerai jualan yang

mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat pelbagai peringkat usia, menjadikan Pantai Bagan Lalang sebagai destinasi tumpuan pelancongan keluarga dan rekreasi utama di Negeri Selangor.

Hadir sama, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, yang mewakili barisan pimpinan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyokong agenda pelancongan negeri. Penganjuran ini secara tidak langsung menyemarakkan Tahun Melawat Selangor 2025 serta memperkukuh promosi destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi, ekonomi tempatan dan gaya hidup lestari di negeri ini.

Pesta ini turut memperlihatkan usaha berterusan Kerajaan Negeri Selangor bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memperkasa sektor pelancongan domestik, memupuk rasa cinta terhadap warisan alam, dan memperkukuh kesejahteraan komuniti pesisir pantai demi kemajuan masyarakat dan kelestarian negeri secara menyeluruh.



PEMANTAUAN PROSES PEMULIHAN KEDIAMAN MANGSA KEBAKARAN DI PUTRA HEIGHTS



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus komited dalam memastikan kerja-kerja baik pulih dan pembinaan semula kediaman mangsa insiden kebakaran di Putra Heights berjalan lancar serta mematuhi piawaian ditetapkan.

Lawatan tapak telah dilaksanakan pada 19 September 2025 oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Selangor bagi menilai kemajuan projek pembinaan semula kediaman yang terjejas akibat kebakaran. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ bersama Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai MBSJ.

Lawatan tersebut bertujuan memastikan pematuan terhadap proses kerja pembinaan serta memberi tumpuan kepada aspek kebajikan mangsa agar kebajikan mereka terus terpelihara sepanjang tempoh pemulihan.

Susulan itu, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor turut mengadakan tinjauan lapangan ke Putra Heights dan Kampung Kuala Sungai Baru bagi menilai kemajuan terkini kerja-kerja baik pulih serta pembinaan semula rumah mangsa kebakaran. Turut serta dalam tinjauan ini ialah YB Preakas a/I Sampunathan, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Kemuning; YB Abbas Salimmi bin Che Adzmi, ADN Seri Serdang; beserta YBrs. Tuan Ismail bin Salim, bersama Ahli-ahli majlis, Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai MBSJ.

Dalam lawatan tersebut, YAB Menteri Besar turut mendengar Taklimat Baik Pulih dan Bina Baru daripada wakil Sime Darby Property, pemaju yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan kerja-kerja pembinaan semula di kawasan berkenaan.

MBSJ akan terus memainkan peranan aktif bersama Kerajaan Negeri dalam memastikan proses pembinaan semula dilaksanakan dengan telus, cepat dan selamat.

Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam menjaga kebajikan penduduk serta membina komuniti yang berdaya tahan dan sejahtera.



LAWATAN PENANDAARAS MBSJ-PERBADANAN PUTRAJAYA PERKUKUH AMALAN TADBIR URUS



Usaha memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan pengurusan berkualiti terus diperkasakan apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengadakan lawatan penandaarasan strategik ke Perbadanan Putrajaya (PP) pada 2 Julai 2025. Lawatan ini diketuai oleh Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ, bagi meninjau pelaksanaan amalan terbaik dalam aspek pengurusan kualiti, inovasi dan tadbir urus organisasi.

Delegasi MBSJ telah diberi taklimat menyeluruh mengenai pelbagai inisiatif transformasi perkhidmatan, pelaksanaan sistem pengurusan berkualiti serta pendekatan inovatif yang diaplikasikan oleh Perbadanan Putrajaya dalam memperkukuh struktur pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Selain sesi taklimat, kunjungan ini turut membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk berkongsi pandangan dan pengalaman secara dua hala, sekali gus memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara MBSJ dan Perbadanan Putrajaya dalam pelbagai bidang pengurusan dan pembangunan bandar.

Segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada sesi ini diharap dapat dimanfaatkan sebagai panduan untuk memperkukuh pengurusan berkualiti serta memperluas amalan terbaik pentadbiran, demi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat di bawah pentadbiran MBSJ. MBSJ merakamkan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya atas layanan mesra dan perkongsian ilmu yang amat bermakna sepanjang lawatan ini.



TAKLIMAT 'ANTI SCAM' BENTUK WARGA MBSJ PEKA TEKNOLOGI



Langkah memperkasa kesedaran warga kerja terhadap ancaman jenayah siber terus dipergiat apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menganjurkan Taklimat Kesedaran Pencegahan Penipuan 'Scammer' pada 3 Julai 2025 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Rahmat Fitri Abdullah, Duta Anti Scam, Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang berpengalaman luas dalam bidang keselamatan siber dan jenayah komersial.

Taklimat yang dihadiri oleh lebih 100 warga kerja MBSJ ini memberi pendedahan menyeluruh mengenai gejala penipuan dalam talian yang semakin membimbangkan, termasuk kaedah penipuan melalui panggilan telefon, mesej media sosial dan laman sesawang palsu. Program ini turut memberi kefahaman mendalam kepada peserta mengenai pelbagai bentuk jenayah siber serta langkah-langkah pencegahan bagi melindungi diri daripada menjadi mangsa sindiket penipuan.



Antara modul utama yang diketengahkan termasuk jenis-jenis penipuan siber seperti love scam, parcel scam, Macau scam dan pelaburan tidak sah, selain pendedahan tentang modus operandi sindiket yang semakin sofistikated. Peserta turut diperkenalkan kepada saluran rujukan rasmi seperti Portal Semak Mule PDRM dan CCID Scam Response Center sebagai panduan bagi mengelakkan risiko penipuan kewangan.

Program ini diharap dapat memperkukuh kesedaran warga kerja MBSJ terhadap kepentingan kawalan keselamatan siber serta memupuk budaya peka teknologi dalam kalangan penjawat awam. Program seumpama ini wajar diteruskan bagi memastikan warga kerja sentiasa berwaspada dan celik digital dalam menghadapi cabaran dunia maya masa kini.



KURSUS PRA PERSARAAN MBSJ PERSIAP WARGA KERJA HADAPI FASA BAHARU



Sebagai langkah proaktif dalam memastikan warga kerja bersedia menghadapi fasa baharu kehidupan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Kursus Pra Persaraan yang berlangsung dari 30 Jun hingga 2 Julai 2025 bertempat di HIG Hotel Langkawi. Seramai 15 orang bakal pesara MBSJ bagi tahun 2025, 2026 dan 2027 telah menyertai kursus ini sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kesejahteraan mental, emosi dan sosial menjelang persaraan.

Kursus ini bertujuan memberikan maklumat serta panduan menyeluruh kepada peserta berkaitan prosedur dan dokumentasi persaraan

yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, peserta turut didedahkan dengan pelbagai aspek penting termasuk psikologi, fizikal, emosi, kerohanian, kesihatan dan perancangan kewangan, bagi memastikan mereka membuat persediaan awal dan terancang sebelum bersara.

Melalui penganjuran ini, MBSJ berharap agar setiap bakal pesara dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh sebagai panduan membina kehidupan baharu yang lebih bermakna, sejahtera dan produktif selepas menamatkan perkhidmatan, sekaligus menzahirkan penghargaan terhadap jasa serta sumbangan mereka kepada organisasi dan komuniti bandar raya Subang Jaya.



BENGKEL AI PERKASA TRANSFORMASI DIGITAL MBSJ



Komitmen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperkukuh keupayaan digital diperkasakan melalui Bengkel Pembangunan Artificial Intelligence (AI) MBSJ yang dianjurkan dengan kerjasama Syarikat Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. pada 3 Julai 2025 bertempat di Glenmarie Hotel & Golf Resort. Inisiatif ini menzahirkan langkah proaktif MBSJ memanfaatkan teknologi pintar bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bandar raya.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, dengan kehadiran Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai MBSJ yang terlibat secara langsung dalam perancangan serta pelaksanaan inisiatif AI tersebut. Bengkel berfungsi sebagai platform perkongsian ilmu untuk memperkasa jabatan dalaman MBSJ dalam penggunaan teknologi AI yang lebih berkesan, khususnya bagi pengurusan aduan awam, keselamatan bandar, perancangan bandar pintar, penyelenggaraan infrastruktur dan pengurusan organisasi yang efisien.



Selain memperkukuh kolaborasi strategik antara sektor awam dan swasta, bengkel ini menekankan pembangunan teknologi berasaskan nilai etika, ketelusan, akauntabiliti dan keadilan sosial demi kesejahteraan komuniti bandar raya. Peserta turut didedahkan kepada trend global AI, potensi integrasi sistem dengan Internet of Things (IoT) serta aplikasi *machine learning* untuk analisis data masa nyata.

Menerusi penganjuran ini, MBSJ optimis melahirkan pasukan kerja yang lebih inovatif, berkemahiran tinggi dan berupaya memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat, sekali gus mengukuhkan kedudukan Subang Jaya sebagai bandar raya pintar, mampan dan berdaya saing.



BENGKEL 'TOD' PUCHONG SELARAS REKA BENTUK BANDAR MAMPAN



MBSJ dengan kerjasama Primaharta Development Sdn. Bhd. telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Penyediaan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar bagi Pembangunan Transit Oriented Development (TOD) di kawasan Stesen LRT Puchong Prima pada 3 Julai 2025 di Hotel Four Points by Sheraton, Puchong. Program ini merupakan usaha strategik MBSJ untuk memastikan pembangunan bandar dilaksanakan secara terancang, berdaya huni dan mampan, sejajar dengan visi menjadikan Subang Jaya bandar raya pintar yang inklusif.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, dan dihadiri oleh Ahli Majlis, ketua jabatan serta pegawai kanan MBSJ. Bengkel ini menjadi platform untuk menyelaraskan pandangan pelbagai pihak terhadap draf Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Pembangunan TOD, yang menekankan aspek kesalinghubungan pengangkutan awam, kemudahan mesra rakyat, ruang hijau, pembangunan bercampur dan reka bentuk berorientasikan komuniti.



SAM Planners Sdn. Bhd. membentangkan konsep pembangunan TOD berasaskan integrasi antara pengangkutan awam, komersial, perumahan dan kemudahan sosial. Perbincangan kumpulan fokus turut melibatkan wakil agensi kerajaan, IPTA, pemaju dan perunding profesional. Antara fokus utama ialah reka bentuk bandar mesra pejalan kaki dan basikal, laluan penghubung efisien antara kawasan kediaman, komersial dan stesen LRT, serta pengoptimuman tanah untuk pembangunan bercampur. Aspek kelestarian alam sekitar dan pengurusan sumber turut diberi perhatian.

Garis panduan ini dijangka menjadikan kawasan Stesen LRT Puchong Prima sebagai contoh pembangunan TOD berjaya di Malaysia, yang mampu meningkatkan nilai ekonomi setempat, memudahkan mobiliti penduduk, serta memperkukuh identiti Subang Jaya sebagai bandar raya moden dan mampan.

PROGRAM KESIHATAN MENTAL PERKUKUH KESEJAHTERAAN WARGA KERJA MBSJ



Menyadari kepentingan kesejahteraan mental dalam kehidupan seharian, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama PUSPANITA MBSJ telah menganjurkan Program Kesedaran Kesehatan Mental Tahun 2025 pada 15 Julai 2025 (Selasa) bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Program ini menjadi wadah memperkukuh kefahaman tentang keseimbangan emosi dan psikologi dalam kalangan warga kerja yang berdepan dengan pelbagai cabaran tugas dan tekanan persekitaran.

Pelaksanaan program turut diserikan dengan kehadiran Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, serta Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abdul Rahman, Timbalan Pengerusi, PUSPANITA MBSJ, yang jelas mencerminkan sokongan padu pihak pengurusan terhadap kesejahteraan psikologi warga kerja. Inisiatif ini dirangka bagi memperkukuh kesedaran awam terhadap kepentingan penjagaan



kesihatan mental di tempat kerja, di samping mengurangkan stigma sosial yang masih wujud dalam masyarakat.

Program ini menampilkan dua tokoh jemputan berpengalaman, iaitu Encik Kamal Affandi bin Hashim, seorang fasilitator dan penganalisis jenayah, yang menyampaikan sesi motivasi bertajuk Ketahanan Mental dalam Menghadapi Cabaran Harian. Manakala Dr. Siti Aishah



Selain pengisian ilmiah, penganjuran turut menyediakan kaunter pemeriksaan kesihatan dan saringan mental bagi memberi peluang kepada peserta menilai tahap kesihatan diri dan mendapatkan nasihat profesional. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh amalan gaya hidup sihat, malah menzahirkan komitmen MBSJ dalam membina persekitaran kerja yang harmoni, seimbang dan berdaya tahan mental.

Secara keseluruhannya, Program Kesedaran Kesehatan Mental Tahun 2025 membuktikan usaha berterusan MBSJ dalam memastikan kesejahteraan holistik warga kerjanya. Lebih daripada sekadar program kesedaran, ia menjadi simbol kepedulian dan tanggungjawab sosial MBSJ dalam memperkukuh keseimbangan emosi, spiritual dan sosial ke arah membentuk komuniti kerja yang sejahtera serta produktif.



Perhimpunan Bulanan pertama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi tahun 2025 berlangsung di Arena MBSJ, yang dihoskan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat ini menjadi platform memperkukuh nilai kekitaan, semangat kerja berpasukan dan budaya organisasi cemerlang dalam kalangan warga MBSJ.

Majlis dihadiri oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ bersama YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, Ahli-ahli Majlis serta warga kerja MBSJ. Kehadiran mereka memeriahkan majlis yang turut menandakan permulaan tahun baharu dengan kepimpinan yang berwawasan.

Dalam perhimpunan tersebut, Datuk Bandar menyampaikan ucapan yang menekankan kepentingan nilai integriti,

PERHIMPUNAN BULANAN PERTAMA MBSJ 2025 SEMARAK SEMANGAT WARGA BANDAR RAYA



disiplin dan kerja berpasukan sebagai asas memperkukuh prestasi organisasi. Beliau turut menyempurnakan penyampaian anugerah kecemerlangan kepada jabatan dan warga kerja MBSJ atas pencapaian sepanjang tahun 2024, termasuk penerimaan Anugerah Perancangan Bandar (MIPPEA 2024), Anugerah Bandar Rendah Karbon serta kejayaan pasukan MBSJ dalam pelbagai kejohanan sukan seperti ragbi,

woodball, billiard dan footgolf.

Kejayaan yang diraih ini mencerminkan dedikasi serta komitmen seluruh warga kerja MBSJ dalam memperkukuh mutu perkhidmatan dan keupayaan organisasi. Semangat ini diharap dapat diteruskan bagi merealisasikan aspirasi menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya gemilang, mampan dan sejahtera.



AUDIT AIGA 2025 NILAI INTEGRITI DAN TADBIR URUS MBSJ



MBSJ telah melaksanakan Sesi Penilaian Audit Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) 2025 bersama pasukan panel penilai daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) secara dalaman talian pada 15 Julai 2025 (Selasa) bertempat di Ibu Pejabat, MBSJ. Sesi ini menjadi platform penting dalam menilai tahap pelaksanaan inisiatif integriti, tadbir urus serta usaha pencegahan rasuah di peringkat organisasi.

Sesi penilaian dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, disusuli ucapan balas secara dalam talian oleh Puan Zakiah binti Hassan, Ketua Panel Penilai, AIGA 2025. Walaupun diadakan secara maya, sesi ini tetap berjalan lancar dengan komitmen warga kerja MBSJ, sekaligus memperlihatkan kesediaan organisasi menyesuaikan diri dengan amalan pentadbiran digital yang efisien dan berintegriti.

Penilaian AIGA memberi tumpuan kepada aspek dokumentasi serta pelaksanaan amalan integriti dan governans yang dilaksanakan secara menyeluruh oleh jabatan-jabatan MBSJ.



Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan MBSJ dalam memastikan pentadbiran yang telus, berwibawa dan berakuntabiliti tinggi, selaras dengan aspirasi *good governance* Pihak Berkuasa Tempatan.

Ucapan penghargaan turut dirakamkan kepada seluruh warga kerja MBSJ atas kerjasama, usaha gigih dan kesungguhan dalam menjalankan pelaksanaan penilaian ini. Secara keseluruhannya, Sesi Penilaian Audit AIGA 2025 menjadi manifestasi iltizam MBSJ untuk terus memperkukuh budaya kerja berintegriti, berdaya saing dan berkhidmat dengan penuh tanggungjawab kepada masyarakat.



MBSJ TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENYELIDIK UKM DAN INDONESIA



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) amat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta rakan penyelidik dari Indonesia ke Ibu Pejabat MBSJ. Lawatan ini diketuai oleh Dr. Dian Tri Irawaty, Programme Director of Rujak Center for Urban Studies sebagai sebahagian daripada jaringan penyelidikan serantau berfokuskan pembangunan komuniti bandar.

Kunjungan ini merupakan sebahagian daripada program penyelidikan di bawah pendanaan CLARE ASEAN yang memberi tumpuan kepada isu perubahan iklim dan perumahan strata kos rendah, khususnya berkaitan adaptasi komuniti terhadap keselesaan haba dan persekitaran kediaman. Melalui perkongsian pandangan dan data lapangan, sesi ini turut memperkukuh kefahaman bersama mengenai pendekatan pentadbiran tempatan dalam menangani cabaran pembangunan bandar beriklim tropika.



MBSJ menzahirkan penghargaan atas kerjasama strategik yang terjalin dan berharap sesi ini dapat memperluas jaringan penyelidikan rentas negara dalam bidang kelestarian komuniti bandar. Inisiatif sebegini diyakini dapat memperkaya dasar serta amalan terbaik ke arah pembentukan bandar raya yang inklusif, berdaya tahan dan lestari.

MBSJ HARGAI PEMBAYAR CUKAI MELALUI PENGEDARAN TONG SAMPAH MGB



Sebagai tanda penghargaan kepada komuniti bandar raya, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah memulakan pengedaran tong sampah MGB berkapasiti 120 liter secara berperingkat mulai 26 Julai 2025 kepada pemilik rumah bertanah (landed) di kawasan pentadbiran MBSJ.

Inisiatif ini diberikan kepada pembayar cukai yang telah menjelaskan cukai taksiran tahun 2025 secara penuh tanpa sebarang tunggakan dalam tempoh 1 Januari hingga 30 April 2025.

Antara syarat kelayakan penerima termasuklah pemilik rumah jenis bertanah dalam kawasan pentadbiran MBSJ, bayaran penuh cukai taksiran direkodkan antara 1 Januari hingga 30 April 2025, serta tiada

tunggakan cukai taksiran. Bagi pemilik yang masih belum menjelaskan bayaran penuh, mereka masih berpeluang menerima tong MGB sekiranya bayaran dibuat sebelum atau pada 31 Julai 2025.

Langkah ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam menggalakkan pembayaran cukai taksiran tepat pada masanya di samping memperkukuh amalan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien di peringkat komuniti.

MBSJ menyeru seluruh warga bandar untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai yang prihatin, demi memastikan Subang Jaya terus berkembang sebagai bandar raya lestari, bersih dan harmoni.



KEMPEN CEGAH DENGGI MBSJ 2025 GERAKKAN KOMUNITI KE ARAH BANDAR SIHAT



Dalam usaha membina komuniti yang sihat dan berdaya tahan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melaksanakan Kempen Cegah Wabak Denggi MBSJ 2025 pada 26 Julai 2025 bertempat di Padang USJ 4/1, Subang Jaya. Program berteraskan kesedaran kesihatan awam ini menjadi platform penyatuan komuniti bandar raya dalam membanteras wabak denggi secara bersepadu dan berterusan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis MBSJ Zon 4, bersama Puan Dr. Nurrawar binti Arpaai, Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan, MBSJ. Hadir sama YBhg. Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, selain kehadiran komuniti setempat yang menunjukkan sokongan padu terhadap inisiatif ini.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang kempen termasuk pertandingan mencari jentik-jentik, pameran dan taklimat kesedaran denggi, demonstrasi keselamatan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, aktiviti kitar semula, cabutan bertuah serta gotong-royong "Cari & Musnah". Operasi Bersepadu turut dijalankan dengan penglibatan pelbagai jabatan dalam MBSJ sebagai langkah berterusan menangani isu denggi di kawasan sekitar.

Kempen ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memperkukuh tanggungjawab bersama ke arah

komuniti yang bersih, sihat dan sejahtera. Melalui kerjasama aktif penduduk setempat, MBSJ yakin usaha bersepadu ini dapat membantu mewujudkan persekitaran bebas denggi sekali gus memastikan kesejahteraan warga bandar raya terus terpelihara.

KEMPEN HAIWAN TERBIAR 2025 SUNTIK KESEDARAN KOMUNITI PRIHATIN



dan sukarelawan yang aktif dalam bidang kebajikan haiwan dan kesihatan persekitaran.

Antara pengisian utama termasuk pelesenan anjing, program pengambilan haiwan angkat, taklimat kesihatan dan kebajikan haiwan, serta promosi kesedaran kesihatan persekitaran. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memperkukuh nilai kasih sayang terhadap haiwan, malah menyemai rasa tanggungjawab sosial dan kepedulian bersama dalam komuniti bandar raya.

Kempen ini menyerlahkan komitmen MBSJ dalam membentuk persekitaran bandar yang selamat, lestari dan berperikemanusiaan terhadap semua makhluk. Dengan sokongan berterusan komuniti, inisiatif ini diharap menjadi pemangkin kepada perubahan positif dalam pengurusan haiwan terbiar, sekali gus menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya yang harmoni, penyayang dan sejahtera untuk semua.

bertemakan "Anjing Terbelah, Komuniti Bahagia" ini diadakan pada 27 Julai 2025 di Padang Puchong Prima sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab bersama dalam pengurusan haiwan terbiar secara beretika dan mampan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Encik Kamarul Hafiz bin Kamaruddin, Ahli Majlis Zon 14, MBSJ bersama Puan Dr. Nurrawar binti Arpaai, Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan, MBSJ. Kempen ini turut mendapat sokongan padu daripada penduduk setempat



Keprihatinan terhadap kebajikan haiwan dan kesejahteraan masyarakat terus dizahirkan melalui penganjuran Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar 2025 oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Program



PROGRAM BANDAR SELAMAT CETUS KESEDARAN MAMPAN



Kesedaran terhadap keselamatan dan kesejahteraan komuniti terus diperkukuh melalui penganjuran Program Sosial Bandar Selamat: "Ke Arah Komuniti Mampam, Bandar Raya Selamat" yang berlangsung pada 30 Julai 2025 di Dewan Serbaguna MBSJ, USJ 7. Program ini merupakan inisiatif Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, bagi memperkukuh kesedaran sosial dan keselamatan komuniti bandar secara mampan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ bersama YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ. Kehadiran kepimpinan tertinggi ini memperlihatkan komitmen MBSJ



dalam memperkasa kesejahteraan masyarakat serta memupuk kesedaran sivik, khususnya dalam kalangan generasi muda terhadap kepentingan hidup secara selamat dan harmoni di bandar raya.

Program ini turut disertai pelajar daripada empat sekolah iaitu Sekolah Agama Menengah Bestari (SAMBEST), Sekolah Kebangsaan Bukit Kuchai, Sekolah Kebangsaan

Taman Universiti dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Poi Min. Para pelajar berpeluang mengikuti taklimat serta pameran berkaitan keselamatan, penjagaan alam sekitar, kesihatan mental dan bahaya penyalahgunaan dadah. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas pengetahuan, malah menyemai nilai tanggungjawab sosial dan empati terhadap persekitaran.

MBSJ bersama agensi rakan strategik yakin bahawa pembentukan komuniti berilmu, prihatin dan berdaya tahan dapat dicapai melalui program berterusan seperti ini. Inisiatif ini diharap menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi bandar raya yang sihat, berani dan berwawasan, demi merealisasikan Subang Jaya sebagai bandar yang sejahtera, mampan dan selamat untuk semua.



BENGKEL 'ECO-PRINT' TINGKAT KEMAHIRAN DAN NILAI PASARAN PRODUK KOMUNITI



Kemahiran kreatif dalam kalangan komuniti setempat terus diperkasa melalui penganjuran Bengkel Kemahiran Berasaskan Produk Jahitan 'Eco-Print' anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Program ini telah berlangsung pada 16 hingga 17 Ogos 2025 dan dikendalikan oleh Dr. Irwan Syah bin Md Yusoff.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik fotografi produk, pengiraan kos jualan serta strategi penjenamaan bagi meningkatkan nilai pasaran hasil



kraftangan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu peserta memperkukuh kemahiran teknikal, malah membuka peluang baharu dalam penjaan pendapatan.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan usaha berterusan MBSJ dalam memperkasa komuniti melalui ilmu dan inovasi, di samping menyokong pembangunan ekonomi setempat yang mampan dan lestari.

MBSJ PERKASA WARISAN MELALUI BENGKEL MUZIK DAN TARIAN



Usaha memperkasa seni dan budaya tempatan terus dipergiat melalui penganjuran Bengkel Muzik dan Tarian Kebudayaan Warisan MBSJ yang diadakan di Kompleks 3K Subang Jaya. Program anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) ini dilaksanakan bagi memupuk minat generasi muda terhadap seni warisan serta meningkatkan apresiasi terhadap budaya tradisional negeri Selangor.

Bengkel ini dijalankan dalam dua siri, iaitu Sesi Pertama pada 24 dan 25 Julai 2025 serta Sesi Kedua pada 5 dan 6 Ogos 2025. Sesi pertama melibatkan penyertaan daripada sekolah-sekolah menengah dan rendah terpilih sekitar Subang Jaya dengan fokus kepada pendedahan asas tarian nasi ambeng dan muzik tradisional cempuling.

Sesi kedua pula disertai oleh enam buah sekolah menengah dan tiga belas buah sekolah rendah yang diberi peluang mendalami serta menghayati keunikan seni warisan melalui latihan yang lebih terarah dan berstruktur. Penglibatan aktif pelajar dalam kedua-dua sesi latihan turut menggalakkan semangat kebersamaan dan rasa bangga terhadap warisan budaya tempatan.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan kesungguhan MBSJ dalam memelihara serta memartabatkan seni budaya tradisional. Usaha berterusan ini diharap dapat memperkukuh identiti nasional dan memastikan khazanah warisan terus diwarisi oleh generasi akan datang.





Majlis Anugerah Komuniti Strata (AKSARA) MBSJ 2024 telah berlangsung dengan penuh meriah pada 2 Julai 2025 bertempat di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, dan diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

AKSARA 2024 HARGAI KOMUNITI STRATA CEMERLANG MBSJ



Turut hadir memeriahkan majlis ialah Encik Mohd Syaiful Rizal bin Abu Bakar, Pengarah, Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), barisan Ahli Majlis, MBSJ, serta wakil-wakil Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan ejen pengurusan bangunan strata dari seluruh kawasan pentadbiran MBSJ.

Penganjuran AKSARA menjadi platform penghargaan kepada JMB dan MC yang menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan pengurusan komuniti strata kekal teratur, sejahtera dan kondusif. Inisiatif ini turut berperanan sebagai pemangkin

kepada budaya pengurusan berdaya saing serta menyokong agenda kerajaan dalam memperkasa sistem penyelenggaraan strata yang mampan dan lestari.

Sebanyak 25 kawasan terbaik mengikut zon telah menerima Anugerah Pengurusan 5 Bintang, termasuk penyampaian anugerah khas bagi kategori kos rendah, sederhana dan tinggi sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi serta kerjasama padu JMB dan MC dalam pengurusan komuniti strata. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima anugerah atas kecemerlangan yang ditonjolkan. Penghargaan ini diharapkan menjadi dorongan berterusan untuk meningkatkan mutu pengurusan komuniti strata ke arah kehidupan bandar yang harmoni dan lestari.

HUB DURIAN SUBANG JAYA SATUKAN SENI, SELERA DAN KOMUNITI



Langkah inovatif Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam memperkasa ekonomi komuniti diterjemahkan melalui pelaksanaan Hub Durian@Subang Jaya 2025 yang menggabungkan elemen seni, selera dan gaya hidup bandar raya dalam satu ruang niaga dinamik serta inklusif. Program ini dirasmikan pada 26 Julai 2025 di Dataran Millennium SS13, Subang Jaya sebagai platform strategik bagi merancakkan aktiviti ekonomi tempatan dan menggalakkan interaksi sosial antara peniaga, penaja serta penduduk setempat.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ yang turut meninjau tapak Food Truck & Penjaja serta Car Boot Sale "Good Weekend Club". Turut hadir YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, YBrs. SUPT Mohd Fairuz bin Jaafar, Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YBrs. Tuan Mohd Iskandar Zul Akhbar bin Abd. Aziz, Timbalan Penguasa Bomba, Ahli-ahli Majlis serta komuniti setempat yang memberikan sokongan padu terhadap penganjuran ini.

Hub Durian@Subang Jaya yang mula beroperasi sejak Jun 2025 terletak di lokasi strategik dengan kemudahan parkir yang selesa serta pelbagai pilihan gerai durian, hidangan tempatan dan aktiviti santai. Inisiatif ini dijangka menjadi tarikan utama peminat durian dari dalam dan luar kawasan di samping memperkasa ekonomi komuniti melalui penyertaan penjaja serta peniaga kecil tempatan.

Penganjuran ini menyerlahkan komitmen MBSJ dalam membangunkan ruang ekonomi komuniti yang berdaya saing, harmoni dan mampan. Sokongan

berterusan daripada MBSJ, agensi keselamatan dan komuniti tempatan membuktikan bahawa kerjasama strategik mampu mewujudkan lokasi tumpuan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada penduduk, malah pengunjung dari seluruh Selangor. Hub Durian@Subang Jaya kini menjadi simbol keterangkuman, inovasi dan semangat keusahawanan yang mencorakkan identiti bandar raya Subang Jaya.



KONVOI KERETA KLASIK HANGATKAN SAMBUTAN 'RAKYAT DISANTUNI' SUBANG JAYA

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
 11 COMMUNITY LIFE AND COMMUNITIES



Program Konvoi Rakyat Disantuni Subang Jaya 2025 yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 4, Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) dan The Summit USJ Mall berlangsung dengan penuh meriah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, bersama YB Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, bertempat di The Summit USJ Mall.

Turut hadir memeriahkan program ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan

Datuk Bandar, MBSJ, Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis Zon 4, MBSJ, YDH ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YBhg. Dato' Sri Megat D. Shahrman bin Dato' Zaharudin, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, YBhg. Dato' Haji Noorul Ariffin bin Abdul Majeed, Pengerusi Malaysia Classic Motoring Association, Encik Anthony Lew, Pengurus Besar The Summit USJ Mall, Tuan Mohd Iskandar Zul Akhbar bin Abd. Aziz, Timbalan Penguasa Bomba dan Penyelamat Malaysia Subang Jaya, bersama Ahli Majlis serta Ketua Jabatan, MBSJ. Program ini turut mendapat sambutan hangat daripada

komuniti bandar raya.

Program dimulakan dengan perarakan konvoi 40 buah kereta klasik yang bermula dan berakhir di The Summit USJ Mall. Majlis turut diserikan dengan kehadiran empat atlet paralimpik negara, iaitu Encik Adray Uzair bin Abu Bakar, Encik Mohd Hairul Azrin bin Mohamad, Encik Muhammad Rafique Farhan bin Saiful Nizam dan Encik Ridzuan Puzi, yang turut bersama menyemarakkan semangat kebersamaan.

Pelbagai pengisian menarik turut dianjurkan termasuk Pertandingan Catur Anak Merdeka,

Kempen Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan bersama PPUM, pameran daripada agensi kerajaan dan swasta, persembahan Kombo MBSJ, persembahan bahasa isyarat oleh Persatuan Tzu Chi, jualan produk tempatan serta Kuiz Merdeka.

Penganjuran program ini menjadi manifestasi komitmen MBSJ dalam memperkukuh semangat patriotisme dan perpaduan komuniti bandar raya, di samping mengeratkan hubungan antara Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat ke arah pembangunan sosial yang harmoni dan inklusif.

PROGRAM KONVOI MOTORSIKAL 'NO KRONI RIDE 1.0' MERIAHKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN WARGA MBSJ

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING
 11 COMMUNITY LIFE AND COMMUNITIES



Buat julung kalinya, Kelab Sukan & Kebajikan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Kelab Permotoran MBSJ (MBSJ Riders) telah menganjurkan Program Konvoi Motorsikal 'No Kroni Ride 1.0' pada 22 September 2025.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 136 warga kerja MBSJ yang menyertai konvoi motosikal menuju ke Port Dickson, Negeri

Sembilan, sebagai simbolik kepada semangat perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan kakitangan MBSJ.

Majlis pelepasan konvoi telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ bertempat di Ibu Pejabat MBSJ, Subang Jaya. Program ini turut disertai oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar MBSJ serta YBrs.

Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Menurut laporan media sosial rasmi MBSJ Riders, penganjuran konvoi ini bukan sahaja menjadi wadah bagi mengeratkan silaturahmi dan semangat kekitaan antara warga kerja, tetapi juga mendorong kepada gaya hidup sihat serta budaya berpasukan yang positif dalam organisasi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan Program 'No Kroni Ride 1.0', semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada aktiviti sihat warga kerja MBSJ pada masa akan datang.





WARNA-W

AKTIVITI MPP BULAN

JULAI

MPP ZON 1



18.7.2025 (JUMAAT)
PROGRAM BOWLING
 AMPANG BALL SUMMIT USJ

MPP ZON 2



5.7.2025 (SABTU)
PROGRAM SUMBANGAN MAKANAN B40
 LAGOON PERDANA

MPP ZON 3



12.7.2025 (SABTU)
PROGRAM CEGAH AEDES
 PERUMAHAN USJ 9

MPP ZON 6



13.7.2025 (AHAD)
PANGSAPURI ANGKAT MPP ZON 6
 GOOD YEAR COURT 10

MPP ZON 7



12.7.2025 (SABTU)
PROGRAM GOTONG ROYONG BERSAMA KOMUNITI 2
 SEKSYEN 2 PUTRA BISTARI

MPP ZON 8



3.7.2025 (KHAMIS)
SUMBANGAN MANGSA KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS
 DEWAN MBSJ KG KUALA SG. BARU

MPP ZON 11



10.8.2025 (AHAD)
SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN
 BALAI MASYARAKAT BUKIT KUCHAI

MPP ZON 12



14.8.2025 (KHAMIS)
ZIARAH PEDULI MANGSA KEBAKARAN
 TASIK KG SRI AMAN

MPP ZON 13



25.8.2025 (ISNIN)
EDARAN BENDERA MALAYSIA
 KIOSK PUCHONG PERDANA

SEPTEMBER

MPP ZON 1



7.9.2025 (AHAD)
PROGRAM MEGA GOTONG ROYONG
 PANGSAPURI SS13

MPP ZON 4



6.9.2025 (SABTU)
SAMBUTAN MAULIDURRASUL
 MASJID AL IRSHAD

MPP ZON 24



7.9.2025 (AHAD)
PIALA KEJOHANAN DUN KEMUNING
 STADIUM JKR

ARNI KOMUNITI

JULAI • OGOS • SEPTEMBER 2025

MPP ZON 4



5.7.2025 (JUMAAT)
AKTIVITI BERSAMA ANAK ISTIMEWA
BILIK GALERI HUTAN BANDAR USJ 3

MPP ZON 5



13.7.2025 (AHAD)
LATIHAN BOLA TAMPAR MPP ZON 5
COURT TAMAN SUBANG MAS

MPP ZON 9



9.8.2025 (SABTU)
MESYUARAT MPP ZON 9
BALAI MASYARAKAT TAMAN SRI PUCHONG

MPP ZON 10



12.8.2025 (SELASA)
PROGRAM LUKISAN CINA
BALAI MPP ZON 10

MPP ZON 14



9.8.2025 (SABTU)
KLINIK BOLA SEPAK

MPP ZON 16



2.8.2025 (SABTU)
PROGRAM SUKAN KANAK-KANAK OKU
DEWAN SERBAGUNA DEWAN MBSJ BK

MPP ZON 2



27.9.2025 (SABTU)
PROGRAM WOW ZOOMER
PANGSAPURI LAGOON PERDANA

MPP ZON 23



6.9.2025 (SABTU)
TREE PLANTING BY AIESEC
TAMAN PERMAINAN USJ

MPP ZON 10



7.9.2025 (JUMAAT)
PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI
BALAI KOMUNITI PUCHONG

SEMINAR PERLUASAN CUKAI PERKHIDMATAN PERKUKUH KESIAPSIAGAAN PBT DAN GLC



U usaha memperkukuh kefahaman serta kesiapsiagaan agensi terhadap pelaksanaan dasar kewangan negara terus diperkasa melalui penganjuran Seminar Perluasan Skop Cukai Perkhidmatan 2025: Kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam Sektor Utama, anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Persatuan Pegawai Kanan Kastam

Malaysia (PERKASA) dan Koperasi Subang Jaya (KOSUJA MBSJ). Seminar ini telah berlangsung pada 20 hingga 21 Ogos 2025 di The Tamu Hotel & Suite, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, bersama YBrs. Tuan Mohd Asri bin Seman, Pengarah Kastam Negeri Pahang merangkap Presiden PERKASA. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Ab Halim bin Assar, Timbalan Presiden PERKASA, Ahli-ahli majlis, Ketua-ketua Jabatan, wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta anak-anak syarikat kerajaan negeri.

Penganjuran seminar ini menjadi platform strategik bagi memperluas kefahaman, berkongsi kepakaran dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan PBT, GLC serta sektor swasta terhadap pelaksanaan perluasan skop cukai perkhidmatan, seiring usaha kerajaan memperkukuh ekosistem ekonomi negara secara berkesan dan telus.



MAJLIS RAMAH MESRA PENGGERAK BELIA SELANGOR (PeBS) & PEMBENTANGAN PENGARAH JABATAN MBSJ



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra Penggerak Belia Selangor (PeBS) & Pembentangan Pengarah Jabatan MBSJ yang disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ bertempat di Espira Kinrara, Puchong pada 19 September 2025.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai MBSJ. Penganjuran ini menjadi platform untuk mengukuhkan hubungan, mempererat

kerjasama dan berkongsi pandangan antara PeBS dan pentadbiran MBSJ dalam usaha memperkasa peranan belia di peringkat bandar raya.

Menurut laporan media rasmi PeBS Selangor, sesi libat urus seperti ini amat penting bagi memastikan suara belia terus didengari dan diberi ruang dalam agenda pembangunan bandar. MBSJ dilihat sebagai antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang proaktif dalam menjalin kolaborasi bersama komuniti belia, khususnya dalam aspek pembangunan sosial, inovasi dan sukarelawan bandar.

MBSJ merakamkan penghargaan kepada PeBS atas komitmen dan sokongan berterusan dalam menjayakan inisiatif pembangunan komuniti belia yang progresif, seiring visi menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya mampan dan inklusif untuk semua.

PROGRAM TAKLIMAT IMUNISASI TAMBAHAN MR BERSAMA PKD PETALING



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD Petaling) telah menganjurkan Program Taklimat Imunisasi Tambahan Measles dan Rubella (MR) pada 4 September 2025, bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ.



Taklimat ini telah disampaikan oleh Dr. Sudeash Rajakrishnan, Pakar Kesihatan Awam UD14, PKD Petaling, yang turut berkongsi kepentingan imunisasi dalam mencegah penyakit berjangkit khususnya dalam kalangan kanak-kanak.



Selain sesi penerangan, pihak PKD Petaling turut melaksanakan pemberian imunisasi MR secara percuma kepada anak-anak pegawai dan kakitangan MBSJ berumur antara 6 bulan hingga 59 bulan (bawah 5 tahun).

Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran warga kerja terhadap peranan imunisasi dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan komuniti sentiasa terpelihara.



WACANA EKSEKUTIF BERSAMA JOHAN QARI ANTARABANGSA PERKASA NILAI ROHANI WARGA KERJA



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) amat berbesar hati menerima kehadiran Al-Fadhil Ustaz Al-Hafiz Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan, Johan Qari Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-65, sebagai panel jemputan dalam Program Wacana Eksekutif Bil. 02/2025 yang berlangsung pada 27 Ogos 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Program ini turut menampilkan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, selaku moderator bersama panel jemputan. Kehadiran Al-Fadhil Ustaz Aiman memberikan pencerahan bermakna kepada para peserta mengenai kepentingan penghayatan

al-Quran, pembentukan disiplin diri serta pengamalan nilai murni dalam kehidupan seharian.

Sesi wacana turut diserikan dengan sesi soal jawab interaktif dan perkongsian pengalaman daripada Al-Fadhil Ustaz Aiman yang memberikan impak mendalam kepada warga kerja MBSJ. Program ini menjadi ruang berinspirasi untuk menghayati nilai-nilai Islam sebagai panduan dalam melaksanakan amanah perkhidmatan dengan penuh integriti dan keikhlasan.

Penganjuran program seumpama ini diharap dapat memperkukuh pengetahuan rohani, menyemai semangat kerja berteraskan nilai Islam serta menjadi platform berterusan bagi perkongsian ilmu dan pengalaman antara pengurusan MBSJ dan warga kerja.



MBSJ SERTAI PROGRAM KERETAPI SARONG 2025 SEMPENNA HARI MALAYSIA



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berbangga dapat turut serta dalam Program Keretapi Sarong 2025 yang berlangsung penuh meriah di TRX Exchange, Kuala Lumpur bersempena sambutan Hari Malaysia pada 12 September 2025.

Lebih daripada sekadar perjalanan tren, Keretapi Sarong menjadi simbol

perpaduan, kecintaan terhadap budaya, muzik dan tradisi rakyat Malaysia yang diraikan bersama-sama oleh peserta daripada pelbagai latar belakang.

Turut hadir mewakili MBSJ ialah YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ dan Puan Rubaizah binti Mohamed Noh, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ.

MBSJ akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong inisiatif yang memperkukuh semangat perpaduan nasional serta memperkaya identiti budaya bandar raya, seiring dengan aspirasi menjadi bandar pintar yang harmoni dan berdaya huni.

SENI DAN WARISAN SELANGOR SEMARAK PERPADUAN KOMUNITI



Temasya Seni Budaya dan Warisan Selangor @ Gombak 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Padang Awam Kampung Melayu, Wira Damai, Batu Caves, pada 20 September 2025. Program ini menjadi platform penting dalam memperkukuh identiti negeri Selangor melalui penganjuran aktiviti seni, budaya dan warisan pelbagai etnik yang mencerminkan keharmonian serta keunikan masyarakat majmuk di negeri ini.

Temasya ini menghimpunkan pelbagai persembahan seni tradisional, pameran warisan dan aktiviti kebudayaan dengan penyertaan masyarakat tempatan serta pertubuhan kebudayaan. Inisiatif ini bukan sahaja mengangkat warisan dan identiti negeri Selangor, tetapi turut memperkukuh semangat perpaduan, pemahaman antara kaum serta penghargaan terhadap nilai budaya dalam kalangan generasi muda sebagai pewaris warisan bangsa.



Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, yang menerima sumbangan daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor bagi pihak Persatuan Kebudayaan dan Sukan Rekreasi Malaysia (ARAS) yang diwakili oleh Encik Ronaldo Chew Xin Chung, Pengerusi Persatuan ARAS. Sumbangan



Sambutan Hari Malaysia peringkat Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya dan Parlimen Subang 2025 membawa makna tersendiri apabila komuniti pelbagai kaum berhimpun di Subang Parade pada 20 September 2025 bagi meraikan semangat kebersamaan dan kasih terhadap tanah air. Program ini bukan sekadar perayaan, tetapi menjadi lambang perpaduan dan kekuatan masyarakat bandar raya yang hidup harmoni dalam kepelbagaian.

Majlis turut dihadiri oleh YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, serta YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, bersama warga komuniti yang hadir dalam suasana mesra dan penuh semangat patriotik. Penganjuran ini memperlihatkan komitmen kepimpinan tempatan dan pihak berkuasa bandar raya dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat dan pentadbiran tempatan melalui pendekatan berasaskan komuniti serta semangat Malaysia Madani.

Pelbagai pengisian bermanfaat turut diadakan, termasuk pertandingan mewarna,



HARI MALAYSIA DIRAI DENGAN SEMANGAT KEBERSAMAAN DI SUBANG JAYA



persembahan kebudayaan dan pemeriksaan kesihatan percuma, menjadikan sambutan ini platform untuk menyemai semangat perpaduan, kesedaran sivik dan semangat cintakan negara. Program ini bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama penduduk, malah memperkukuh nilai hormat dan saling memahami dalam masyarakat majmuk Subang Jaya.



Semangat cintakan negara yang dizahirkan melalui sambutan ini mencerminkan perpaduan kukuh rakyat Malaysia dan komitmen komuniti bandar raya dalam terus mengukuhkan semangat kebersamaan demi kemajuan masyarakat dan kesejahteraan negara. Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor dan MBSJ, pendekatan sebegini diharap dapat terus memupuk rasa bangga dan tanggungjawab bersama dalam membina bandar raya yang harmoni, inklusif dan bersepadu.



tersebut menandakan pengiktirafan terhadap peranan organisasi komuniti dalam menggerakkan pembangunan seni dan kebudayaan di peringkat tempatan.

Sokongan dan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasakan seni, budaya

dan warisan negeri diharap dapat memperkukuh jati diri rakyat, menyemai semangat kebersamaan serta mempererat perpaduan komuniti demi kemajuan masyarakat dan kelestarian warisan budaya Selangor yang beraneka.



RIBUAN WARGA SUBANG JAYA JAYAKAN HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA DAN HARI TERBUKA PPD PETALING PERDANA



Lebih 5,000 pengunjung hadir memeriahkan Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) edisi ketiga dan Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana yang diadakan pada 9-10 Ogos 2025 di AEON Mall, Taman Equine, Seri Kembangan. Edisi HTKSJ kali ini tampil lebih istimewa apabila digabungkan dengan Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana 2025 sekaligus berjaya menarik penyertaan warga pelbagai lapisan masyarakat yang menyokong aspirasi bandar raya rendah karbon serta gaya hidup sihat.

Program dimulakan dengan Majlis Perasmian Hari Terbuka PPD Petaling Perdana pada Sabtu, 9 Ogos 2025 yang telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Azri bin Zainal, Ketua Jabatan Tanggjawab Sosial dan Komunikasi Korporat, Menteri Besar Incorporated (MBI) bersama Puan Che Wan Rohaini binti Ramly, Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Petaling Perdana.

Manakala majlis perasmian Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) edisi ketiga ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, bersama YB Tuan Abbas Salimmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang. Turut hadir bersama ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ. YDH ACP Muhammad Farid bin Ahmad, Ketua Polis Daerah Serdang, YDH ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, YBrs. Puan Che Wan Rohaini binti Ramly, Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Petaling Perdana, YBrs. Tuan Ismail Salim, Timbalan Setiausaha,



MBSJ, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan, MBSJ. Kehadiran para pemimpin dan agensi pelaksana ini mencerminkan komitmen bersama terhadap pembangunan komuniti sihat, inklusif dan bandar raya mampan.

Pelbagai aktiviti menarik turut dianjurkan, antaranya Larian Santai dan Kayuhan Santai sebagai simbol usaha mengurangkan pelepasan karbon, Pertandingan Koir, Pertandingan Bicara Berirama, Pertandingan Pakaian Beragam Prasekolah, Fiesta Sarapan Pagi, 'Eco Free Market', Eksplorasi Sekolah Sihat dan Lestari, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak serta pameran dan kaunter perkhidmatan pelbagai agensi. Program turut menyaksikan penyampaian Sumbangan Bantuan

Persekolahan (Back to School) oleh Pusat Khidmat ADUN Seri Serdang, penyerahan anak pokok bagi Program Smart Gen Penghijauan Subang Jaya kepada sekolah-sekolah, dan penyampaian hadiah pertandingan koir dan bicara berirama sekolah peringkat MBSJ.

Program kali ini berjaya dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana, serta mendapat sokongan daripada Pusat Khidmat Ahli Dewan Negeri Seri Serdang, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, AEON Taman Equine, dan pelbagai agensi kerajaan, swasta serta pertubuhan komuniti setempat. MBSJ menzhahirkan ucapan terima kasih kepada semua rakan penaja, agensi dan komuniti yang telah menjayakan penganjuran kali ini. Komitmen dan sokongan yang ditunjukkan mencerminkan semangat bersama ke arah bandar raya yang lebih mampan, rendah karbon dan harmoni, selaras dengan aspirasi Subang Jaya sebagai bandar pilihan lestari di Selangor.



3,072 GAGAK DITEMBAK DALAM OPERASI MBSJ 2025



Sebagai langkah berterusan menangani isu kebersihan bandar dan kawalan populasi haiwan perosak, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah melaksanakan Operasi Menembak Gagak Peringkat MBSJ 2025 pada 24 Ogos 2025 melibatkan keseluruhan 24 zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di bawah pentadbirannya.



Program ini disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, dengan kehadiran Encik Chia Yew Ken, Ahli Majlis, MBSJ Zon 3; Dr. Nurnawwar binti Arpaai, Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan; wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari IPD Subang dan Serdang; serta pegawai-pegawai MBSJ yang terlibat dalam pelaksanaan operasi.

Sebanyak 3,072 ekor burung gagak berjaya ditembak sepanjang operasi ini. Peserta yang menyertai menerima ganjaran RM6 bagi setiap ekor, menjadikan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak RM16,710 sebagai penghargaan atas sumbangan mereka membantu mengawal populasi burung tersebut.

Operasi bersepadu ini diharap dapat mengurangkan gangguan kepada orang awam, meningkatkan tahap kebersihan bandar raya dan mengelakkan kerosakan harta benda awam, sekali gus memperkukuh kesejahteraan komuniti Subang Jaya secara berterusan.

LATIHAN 'ERE EX' SUBANG PERKUKUH KESIAPSIAGAAN DAN KECEKAPAN AGENSI



Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan kerjasama Petronas Gas Berhad telah melaksanakan Latihan Kecemasan dan Pelan Evakuasi (ERE EX Subang) serta Field Training Exercise (FTX) di kawasan Taman SS19, Subang Jaya, pada 28 September 2025. Latihan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh tahap kesiapsiagaan serta memastikan keupayaan semua agensi bertindak balas dengan pantas dan berkesan terhadap sebarang kemungkinan insiden kebocoran atau letupan saluran paip gas.

Penganjuran ini turut menzahirkan komitmen pelbagai pihak termasuk YB Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, bersama agensi keselamatan serta jabatan teknikal berkaitan. Kehadiran mereka mencerminkan sinergi strategik antara kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor industri dalam memperkukuh pengurusan risiko bandar raya.

Latihan lapangan ini turut menilai keberkesanan Prosedur Operasi Standard (SOP) serta memperkukuh sistem komunikasi antara agensi bagi memastikan tindak balas kecemasan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, pantas dan efisien. Usaha ini sekaligus menjadi indikator penting terhadap tahap kesiapsiagaan bencana di kawasan berisiko tinggi serta memperlihatkan keupayaan agensi melaksanakan koordinasi secara menyeluruh dan bersepadu.

MBSJ komited untuk terus menyokong pelaksanaan inisiatif kesiapsiagaan kecemasan dan pengurusan bencana secara bersepadu demi menjamin keselamatan, kesejahteraan dan ketenteraman komuniti bandar raya Subang Jaya. Pendekatan ini turut memperkukuh keyakinan awam terhadap tadbir urus bandar raya yang cekap, berdaya tahan dan berintegriti.



TINDAKAN BERSEPADU MBSJ ROBOHKAN BINAAN TANPA KEBENARAN



Usaha berterusan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam memastikan pematuan undang-undang dan penggunaan tanah yang sah diteruskan menerusi pelaksanaan Operasi Tindakan Bersepadu Perobohan Binaan Garaj Kereta Haram yang dijalankan pada 3 Julai 2025 di Jalan BK 5/8E, Bandar Kinrara. Langkah ini mencerminkan ketegasan MBSJ dalam mengawal pembangunan fizikal agar kekal teratur, selamat dan mampan di kawasan pentadbirannya.

Operasi ini dilaksanakan susulan aduan awam serta hasil siasatan yang mendapati struktur binaan berkenaan telah didirikan tanpa kebenaran di atas tanah rizab awam. Pelaksanaan tindakan bersepadu ini turut disertai oleh beberapa jabatan dalam MBSJ, antaranya Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Jabatan Penguatkuasaan.

Dalam masa sama, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Ibu Pejabat Polis Daerah

(IPD) Serdang dan Balai Polis Kinrara turut membantu dari aspek kawalan keselamatan serta memastikan kelancaran sepanjang operasi. Struktur yang dirobohkan melibatkan garaj tambahan yang dibina tanpa kelulusan, sekali gus menghalang laluan awam dan menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan.

MBSJ menegaskan bahawa sebarang pembinaan di atas tanah kerajaan atau rizab awam tanpa kelulusan adalah dilarang dan tindakan tegas akan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Orang awam dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum mendirikan sebarang struktur bangunan. MBSJ kekal komited memastikan pembangunan bandar Subang Jaya berkembang secara teratur, selamat dan mampan, seiring aspirasi bandar sejahtera.



OPERASI BERSEPADU BANTERAS WARGA ASING BERNIAGA TANPA KEBENARAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Selangor telah melaksanakan Operasi Bersepadu Pemeriksaan Pelesenan dan Membanteras Warga Asing Berniaga Tanpa Kebenaran bertempat di Pasar Borong Selangor pada 8 September 2025.

Operasi yang melibatkan Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan MBSJ, diketuai oleh Tuan Muhamad Sulaiman bin Abdullah, Penolong Pegawai Penguatkuasaan, Jabatan Penguatkuasaan MBSJ dengan kerjasama Tuan Khairil Anwar bin Mat Soud dari Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor.

Tindakan bersepadu ini dijalankan bagi memeriksa perniagaan yang beroperasi tanpa lesen sah serta mengambil tindakan terhadap premis yang melanggar syarat pelesenan, termasuk menggaji Pendatang

Asing Tanpa Izin (PATI) yang bekerja tanpa permit.

Pemantauan dan pemeriksaan berkala akan diteruskan dari semasa ke semasa dan MBSJ komited melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara tegas dan berterusan dalam memastikan semua peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan dalam usaha mengekalkan kesejahteraan, keselamatan dan ketertiban perniagaan di kawasan pentadbiran MBSJ.

TINDAKAN TEGAS MBSJ DALAM OPERASI BERSEPADU PREMIS BARANG LUSUH



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Daerah Subang Jaya, telah melaksanakan Operasi Bersepadu terhadap premis barang lusuh dan besi buruk yang beroperasi tanpa kelulusan sah di kawasan Subang Jaya dan Puchong pada 19 September 2025.

Hasil daripada operasi tersebut, MBSJ telah mengeluarkan tujuh (7) Notis Tawaran Kompau (NTK) atas pelbagai pelanggaran lesen dan syarat pelesenan. Selain itu, pihak berkuasa turut mengeluarkan tiga (3) Notis Sitaan terhadap barang yang disimpan secara haram di premis-premis terbabit.

Operasi ini menandakan komitmen MBSJ dalam memastikan aktiviti perniagaan haram atau beroperasi tanpa lesen ditangani secara proaktif dan tegas. MBSJ menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan tanpa kompromi terhadap premis yang melanggar undang-undang atau merongrong kesejahteraan komuniti.

Orang awam yang mempunyai maklumat atau aduan berkaitan aktiviti perniagaan haram boleh menyampaikannya melalui:

- Laman web rasmi MBSJ: www.mbsj.gov.my/ms/saluran-aduan
- Pusat Kawalan Subang Jaya: 03-8024 7700



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1447H / 2025M



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1447H / 2025M telah diadakan pada 5 September 2025 bertempat di Dewan Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor Darul Ehsan, telah disambut oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor,



bersama barisan kepimpinan tertinggi negeri, pegawai kerajaan negeri dan persekutuan, serta para tetamu kehormat.

Turut hadir mewakili Majlis Bandaraya

Subang Jaya (MBSJ) ialah YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Majlis yang bertemakan "Membangun Ummah Madani" ini diadakan bagi

memperingati keperibadian dan perjuangan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan unggul dalam membentuk masyarakat sejahtera, berakhlak dan berilmu.

Sambutan ini bukan sahaja menjadi wadah memperkukuh nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan kehidupan seharian, malah menjadi dorongan kepada warga kerja MBSJ untuk terus menjiwai semangat kepimpinan Rasulullah SAW dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat dan pembangunan bandar raya.

PASAR PAGI PUCHONG JAYA BERWAJAH BAHARU



Komitmen berterusan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terhadap pembangunan komuniti terserlah melalui pelaksanaan projek menaik taraf tapak Pasar Pagi Jalan Merak 2A, Bandar Puchong Jaya, yang telah disempurnakan perasmian oleh YB Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kinrara, pada 28 September 2025. Inisiatif ini menzahirkan usaha memperkukuh kemudahan perniagaan tempatan demi kesejahteraan masyarakat bandar.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh Puan Ng Seow Chen, Ahli Majlis MBSJ Zon 10, dan Tuan Ir. Dr. Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari, Pengarah,

Jabatan Kejuruteraan, MBSJ. Projek Kerja-kerja Menaik Taraf Jalan dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Jalan Merak 2A telah bermula pada 16 Jun 2025 dan telah siap sepenuhnya pada 19 Oktober 2025, dengan tempoh pelaksanaan selama 18 minggu.

Antara skop utama projek termasuk turapan di sekeliling kedai serta pemasangan *interlocking paver* di tapak pasar pagi, yang memberi manfaat kepada 127 peniaga dan melibatkan 158 petak niaga. Pelaksanaan ini dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan, MBSJ bagi memastikan keselesaan, keselamatan dan akses yang lebih baik untuk semua pengguna kawasan pasar.

MBSJ terus komited dalam menyediakan prasarana yang lebih selesa, selamat dan kondusif, demi kesejahteraan komuniti serta pembangunan bandar yang mampan.



9 August 2025

Grand Lagoon Ballroom, Sunway Resort Hotel

TOURISM INDUSTRY AWARDS 2025 SEMARAK TAHUN MELAWAT SELANGOR



Industri pelancongan negeri terus dipacu ke arah kemajuan mampan melalui penganjuran Majlis Tourism Industry Awards 2025 X Visit Selangor Year 2025 yang diadakan pada 9 Ogos 2025 bertempat di Grand Lagoon Ballroom, Sunway Resort Hotel. Majlis ini menjadi platform mengiktiraf kecemerlangan pemain industri pelancongan sekali gus memperkukuh jenama Selangor sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Majlis anjuran Malaysian Inbound Tourism Development Association (MITDA) dengan kerjasama Tourism

Selangor dan Santai Travel ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir ialah YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ.

Penganjuran ini turut menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam menjayakan Tahun Melawat Selangor

2025 dengan menekankan aspek kelestarian, daya saing dan inovasi industri. Ia juga menjadi ruang pengiktirafan kepada penggiat industri yang telah memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pelancongan negeri.

MBSJ melalui penglibatan aktif dalam inisiatif pelancongan negeri akan terus menyokong usaha memperkukuh ekosistem pelancongan yang mampan dan inklusif, seiring dengan aspirasi menjadikan Selangor destinasi pilihan utama di rantau ini.

1,000 PESERTA SERTA LARIAN BIM 2025



Suasana penuh semangat mewarnai SBIM Run @ Larian BIM Edisi 2025 apabila lebih 1,000 peserta daripada pelbagai latar belakang, termasuk komuniti orang kelainan upaya (OKU), menyertai program anjuran Persekutuan Orang Pekak Malaysia bersempena Sambutan Minggu Orang Pekak Antarabangsa 2025 dan Hari Bahasa Isyarat Sedunia yang berlangsung di Pasar Raya Giant, Bandar Kinrara, Puchong, pada 28 September 2025. Program ini menjadi platform memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap komuniti OKU melalui aktiviti sukan yang inklusif dan bermakna.

Penganjuran ini mendapat kerjasama erat daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang menyasarkan Subang Jaya sebagai bandar raya inklusif untuk semua golongan, seiring aspirasi bandar mampan dan mesra komuniti.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah YB Senator Tuan Isaiiah D. Jacob, Ahli Dewan Negara yang mewakili Orang Kelainan Upaya, Encik Norhisham bin Aluwi, Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia dan Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ. Turut hadir ialah wakil sektor korporat seperti Maybank,



Takafal Ikhlas Malaysia dan EXIM Bank yang turut menyokong pelaksanaan program berimpak sosial ini.

Majlis turut diserikan dengan pelancaran filem Badak yang mengangkat kisah kehidupan serta ketabahan

komuniti OKU melalui naratif inspirasi tempatan. Program ini diharap dapat memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap komuniti orang kelainan upaya serta memupuk semangat saling menghormati dalam kehidupan bandar raya yang majmuk.



SEPAKAN PENALTI MBSJ 2025 GEGAR ARENA SUBANG JAYA



Sorakan dan semangat kesukan memenuhi Arena MBSJ, Subang Jaya apabila Pertandingan Sepakan Penalti Jemputan MBSJ 2025 berlangsung pada 28 Julai 2025 dengan penyertaan warga kerja dan tetamu jemputan. Program yang dianjurkan bagi menyemarakkan budaya kerja sihat dan semangat berpasukan ini mencerminkan kekuatan hubungan kekeluargaan dalam organisasi MBSJ.

Penyertaan YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ bersama YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, Ahli-ahli Majlis serta pengurus tertinggi telah menghangatkan lagi suasana pertandingan. Kehadiran kepimpinan tertinggi bukan sahaja memberi suntikan motivasi, malah membangkitkan semangat juang buat para peserta yang bertanding dengan penuh sportif.



Lebih daripada sekadar pertandingan sukan, program ini turut menjadi platform memperkukuh nilai kerja berpasukan, mengasah potensi individu dan mengeratkan hubungan silaturahim antara warga MBSJ serta komuniti setempat. Aktiviti sebegini menyerlahkan budaya kerja yang harmoni, aktif dan berdaya saing.

Penganjuran ini membuktikan komitmen MBSJ dalam memupuk gaya hidup sihat dan membina tenaga kerja yang sejahtera, dinamik serta bersemangat tinggi. Semangat kesukanan yang terpancar di Arena MBSJ menjadi lambang perpaduan dan kekuatan warga bandar raya menuju ke arah organisasi yang cemerlang dan sejahtera.



MBSJ ANGKAT SUKAN KABADDI, RASMI GELANGGANG KOMUNITI PUCHONG UTAMA



Dalam usaha memupuk gaya hidup sihat dan memperkukuh perpaduan masyarakat, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memperluas pembangunan sukan komuniti melalui perasmian Gelanggang Kabaddi MBSJ di Jalan Bandar, Puchong Utama pada 27 Julai 2025. Inisiatif ini menjadi bukti komitmen MBSJ dalam mengangkat sukan tradisional sebagai jambatan sosial yang menyatukan komuniti pelbagai lapisan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong bersama YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ. Turut hadir Encik Parithi Vanan a/l Ramasamy, Ahli Majlis Zon 17, barisan Ketua Jabatan MBSJ serta wakil komuniti setempat yang memberikan sokongan padu terhadap pembangunan kemudahan ini.

Pembinaan gelanggang tersebut memperlihatkan komitmen MBSJ dalam menyediakan ruang riadah yang kondusif dan mesra komuniti di samping menyemarakkan minat terhadap sukan kabaddi yang semakin mendapat tempat dalam kalangan belia. Langkah ini turut mengukuhkan jaringan sosial dan kerjasama antara MBSJ serta komuniti setempat dalam melahirkan masyarakat aktif, bersatu dan berdaya saing.

Melalui inisiatif ini, MBSJ terus menegaskan peranannya sebagai pemangkin gaya hidup sihat dan kesejahteraan sosial. Usaha ini diharap dapat membina komuniti yang lebih harmoni dan dinamik, seiring aspirasi menjadikan Subang Jaya sebagai bandar raya sejahtera untuk semua.





MBSJ FC TAKLUKI WSL TIGA KALI JUARA



Pasukan bola sepak wanita MBSJ FC terus mencipta kecemerlangan apabila menjuarai FAS Women's Super League (WSL) 2025, sekaligus mengekalkan prestasi cemerlang sebagai pasukan gergasi bola sepak wanita negeri Selangor. Kejayaan ini menandakan kejayaan ketiga MBSJ FC dalam sejarah WSL, memperkukuh reputasi pasukan sebagai antara kelab bola sepak wanita terbaik di peringkat negeri.

DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja



Muda Selangor berkenan berangkat ke Stadium MPAJ, Ampang Jaya bagi menyaksikan perlawanan akhir tersebut. Keberangkatan baginda turut diiringi oleh YBhg. Dato' Amirul Aziz bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar,

MBSJ, serta YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, sebagai tanda sokongan terhadap pasukan yang bertanding.

Perlawanan akhir menyaksikan saingan sengit antara MBSJ FC dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP). Aksi konsisten dan berdisiplin sejak awal permainan membolehkan MBSJ FC mencatat kemenangan 5-1, sekaligus menobatkan pasukan sebagai juara FAS Women's Super League (WSL) 2025 buat kali ketiga.



Kejayaan ini bukan sahaja mengharumkan nama Majlis Bandaraya Subang Jaya, malah membangkitkan semangat baharu dalam arena bola sepak wanita negeri Selangor. Pencapaian ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memperkasa penyertaan wanita dalam bidang sukan serta memartabatkan semangat kesukanan dan perpaduan komuniti bandar raya.



Pada 3 September 2025 telah berlangsung satu perlawanan penuh semangat dalam Liga Wanita Nasional (LWN) 2025 antara MBSJ FC dan Kelana United FC yang diadakan di Arena MBSJ.

Turut hadir menyaksikan perlawanan ini ialah YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, yang meluahkan masa memberi



sokongan kepada pasukan MBSJ FC. Kehadiran beliau turut membakar semangat para pemain dan penyokong yang memenuhi ruang stadium.

Perlawanan yang sengit ini menyaksikan MBSJ FC mencatat kemenangan tipis 1-0 ke atas Kelana United FC. Gol tunggal pasukan dijangkau oleh Intan Sarah Anisah binti Zulgaflifi seawal minit kedua permainan. Aksi cemerlang beliau serta disiplin pertahanan yang mantap memastikan MBSJ FC membawa pulang tiga mata penuh.

KEMERIAHAN LIGA WANITA NASIONAL DI ARENA MBSJ



Dalam perlawanan tersebut, Zawani Nisha binti Habib Rahman (No. 22) turut dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perlawanan hasil prestasi konsisten dan sumbangan besar mengemudi jentera tengah pasukan. Kemenangan ini sekaligus mengekalkan momentum positif MBSJ FC dalam saingan LWN 2025, yang kini memasuki pusingan kesembilan musim ini.

Kejayaan MBSJ FC ini membuktikan bahawa inisiatif pembangunan sukan wanita oleh pihak majlis berjaya

melahirkan atlet berbakat yang mampu bersaing di pentas nasional. MBSJ turut komited untuk terus menyokong pembangunan sukan wanita melalui kemudahan, latihan dan program komuniti yang inklusif.

Tahniah kepada pasukan MBSJ FC atas kemenangan bergaya ini. Semoga semangat juang dan kesungguhan yang ditunjukkan terus menjadi inspirasi kepada warga Subang Jaya.



SEMANGAT KESUKANAN WARNAI KEJOHANAN BOWLING MBSJ



Semangat kesukanan dan kebersamaan warga bandar raya terserlah menerusi penganjuran Kejohanan Bowling MBSJ 2025 yang diadakan bersempena sambutan Ulang Tahun Ke-5 Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Program anjuran bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 3 ini berlangsung dengan meriah di Ampang Superbowl, Pusat Membeli-belah The Summit USJ, Subang Jaya dan menghimpunkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan serta sektor korporat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain



bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, yang menzahirkan ucapan terima kasih atas sokongan padu semua pihak dalam menjayakan kejohanan tersebut. Penganjuran ini bukan sahaja



memperkuh hubungan strategik antara agensi, malah menjadi platform membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja dan komuniti setempat.

Antara agensi dan rakan strategik yang turut serta termasuk Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Titijaya PMC Sdn. Bhd., serta wakil-wakil MPP dari kawasan pentadbiran MBSJ. Semangat dan penyertaan aktif semua pihak mencerminkan komitmen bersama ke arah mewujudkan komuniti bandar raya yang sihat, aktif dan berdaya sukan.

Program ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada warga Subang Jaya untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat, di samping memperkuh jalinan komuniti dan keharmonian bandar raya secara berterusan.

CABARAN JORAN MERDEKA MBSJ 2025 RAI SAMBUTAN LUAR BIASA



Suasana Taman Tasik Sri Aman, Puchong pada 24 Ogos 2025 bertukar meriah apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Nadi Media Events dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 12 menganjurkan Cabaran Joran Merdeka MBSJ 2025 edisi ketiga yang sarat dengan semangat kesukanan dan kemerdekaan.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YB Tuan Abbas Salimmi bin Che Adzmi@Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang, bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta komuniti setempat yang hadir memeriahkan suasana pagi tersebut.

Edisi kali ini mencatat penyertaan luar biasa dengan 758 pemancing mengambil bahagian. Jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM19,700 ditawarkan, termasuk hadiah utama wang tunai RM5,000, RM3,000 untuk naib juara dan RM1,000 bagi tempat ketiga. Pemenang tempat keempat menerima RM500, manakala kedudukan kelima hingga kesepuluh menerima RM200 setiap seorang, serta RM100 bagi kedudukan kesebelas hingga ke-100.

Lebih menarik, peserta turut berpeluang memenangi cabutan bertuah berupa sebuah motosikal, sekaligus menambahkan keterujaan dan keceriaan sepanjang pertandingan berlangsung.

Penganjuran tahunan ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat dan aktiviti riadah berasaskan komuniti, malah memperkuh semangat kebersamaan serta perpaduan warga Subang Jaya sempena bulan kemerdekaan.





KEJOHANAN BILLIARD DATUK BANDAR SEMARAK SAMBUTAN ULANG TAHUN MBSJ KE-5



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 3, MBSJ telah menganjurkan Kejohanan Billiard Berpasukan Piala Datuk Bandar 2025 bersempena sambutan ulang tahun ke-5 MBSJ. Kejohanan ini telah berlangsung di The Grand Subang Jaya, SS15, Subang Jaya, dengan penyertaan pasukan dari pelbagai

agensi dan institusi pengajian tinggi.

Majlis perasmian kejohanan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ. Turut hadir Encik Chia Yew Ken, Ahli Majlis Zon 3, MBSJ, Encik Charles Chow, Presiden Persatuan Cuesports, dan YBhg. Dato' Cheah Suan Lee, Pengurus Asia Club Snooker

& Pool. Kejohanan ini mencatatkan penyertaan 18 pasukan bagi kategori agensi dan 14 pasukan bagi kategori IPTA/IPTS, sekali gus menunjukkan sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

Penganjuran ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat, malah memperkukuh nilai kerjasama,

disiplin serta semangat kesukanan dalam kalangan peserta. Kejohanan ini juga menyerlahkan komitmen MBSJ dalam memperkasakan keharmonian komuniti melalui pendekatan sukan berasaskan komuniti, selaras dengan matlamat membentuk bandar raya yang sejahtera, bersatu dan berdaya saing.

KEJOHANAN PICKLEBALL 2025 ANGKAT SUKAN BAHARU KOMUNITI SUBANG JAYA



Suasana penuh semangat memenuhi 91 Sports Arena, Subang Jaya pada 26 dan 27 Julai 2025 apabila Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama 91 Pickleball Clubhouse menganjurkan Kejohanan Pickleball MBSJ x 91 Pickleball Clubhouse 2025. Penganjuran ini mencerminkan komitmen MBSJ dalam memperkukuh penyertaan komuniti melalui sukan baharu yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pelbagai lapisan usia.

Majlis diserikan dengan kehadiran YBrs. Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ serta YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ yang turut menyaksikan aksi bertenaga para peserta. Sebanyak 177 pasukan beregu mengambil bahagian dalam kategori Novice (di bawah 3.0) dan Intermediate (di bawah 4.0) merangkumi acara Men's Doubles, Women's Doubles dan Mixed Doubles.

Kejohanan ini menawarkan hadiah terkumpul berjumlah RM9,600 dengan juara kategori Intermediate membawa pulang RM1,000, manakala pemenang kategori Novice menerima RM600. Pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan termasuk pameran, sesi latihan bersama jurulatih profesional serta sesi interaksi antara pemain dan peminat yang memberi nilai tambah kepada pengalaman peserta.

Kehadiran komuniti tempatan yang amat menggalakkan membuktikan bahawa kejohanan ini bukan sekadar medan pertandingan, tetapi



juga platform memperkukuh perpaduan dan gaya hidup aktif dalam kalangan warga bandar raya. Penganjuran ini menyerlahkan usaha berterusan MBSJ dalam memupuk semangat kesukanan, menggalakkan gaya hidup sihat serta memperkasa jaringan komuniti melalui aktiviti riadah yang inklusif.

Inisiatif seumpama ini diyakini akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan baharu di peringkat akar umbi, sekali gus menyemarakkan semangat "Bandar Raya Sihat dan Sejahtera" dalam kalangan warga Subang Jaya.



SELANGOR LANCAR LOGO, MASKOT DAN COUNTDOWN SUKMA XXII & PARA SUKMA 2026



Semangat kesukanan dan kebanggaan negeri Selangor terus disemarakkan melalui Majlis Pelancaran Logo, Maskot, Tema dan Countdown ke 1 Tahun Sukan Malaysia (SUKMA) XXII serta Para SUKMA Selangor 2026 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Najwan Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor. Majlis penuh berwarna-warni ini berlangsung

pada 15 Ogos 2025 di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7, Shah Alam.

Turut hadir, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, yang mewakili MBSJ menerima logo tajanan sebagai rakan prasarana rasmi SUKMA Selangor 2026. Kehadiran pelbagai wakil agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan turut menyerikan majlis, mencerminkan komitmen padu seluruh negeri dalam

menjayakan penganjuran temasya sukan berprestij ini.

Majlis pelancaran ini menjadi detik bersejarah yang menandakan permulaan rasmi perjalanan SUKMA Selangor 2026, sekaligus meniupkan semangat baharu menjelang temasya sukan kebangsaan yang bakal berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos 2026, dengan acara pembukaan rasmi di Litar Antarabangsa Sepang (SIC).

Maskot rasmi yang diperkenalkan ialah Helang Putih, simbol kekuatan dan ketangkasan, yang pernah menjadi ikon SUKMA 1998 ketika Selangor menjadi tuan rumah. Bersama tema "Rentak Kita, Aksi Kita", SUKMA XXII dan Para SUKMA Selangor 2026 bakal menghimpunkan lebih 10,000 atlet serta pegawai dari seluruh negara termasuk kontinjen jemputan Brunei Darussalam.



MBSJ TERIMA WATIKAH BAPA ANGKAT KONTINJEN SUKMA SELANGOR 2026



Semangat kesukanan negeri terus diperkasa melalui Majlis Pelancaran Program Road to Champion 2026 dan Penyerahan Watikah Pelantikan Program Bapa Angkat Kontinjen SUKMA Negeri Selangor yang berlangsung pada 16 Ogos 2025 di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

Dalam majlis berprestij ini, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, telah menerima watikah pelantikan bagi Program Bapa Angkat daripada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bersama YB Tuan Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor.

Melalui pelantikan ini, MBSJ dipertanggungjawabkan sebagai bapa angkat kepada tiga pasukan SUKMA Selangor, iaitu Pasukan Kabaddi, Pasukan Ping Pong dan Pasukan Sepak Takraw. Pelantikan ini menzahirkan komitmen MBSJ dalam memberikan sokongan moral, logistik dan bimbingan strategik kepada para atlet dan pegawai bagi memastikan persediaan kontinjen berada pada tahap terbaik menjelang temasya SUKMA 2026.

Peranan sebagai bapa angkat diharapkan menjadi pemangkin kepada semangat juang dan disiplin tinggi dalam kalangan atlet negeri, sekali gus memperkukuh keyakinan kontinjen Selangor menuju temasya SUKMA XXII yang akan berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos 2026.





PUSPANITA MBSJ SEMARAK UKHUWAH MELALUI SUKAN WOODBALL 2025



Semangat kesukanan dan nilai SKebersamaan terus dizahirkan melalui Pertandingan Woodball Tertutup 2025 yang berlangsung di Laman Woodball Putra Heights, anjuran bersama PUSPANITA Cawangan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan PUSPANITA Cawangan Kecil Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Program ini menjadi wadah mempererat silaturahmi antara ahli PUSPANITA pelbagai peringkat melalui penyertaan aktif dalam sukan yang sihat serta penuh makna.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis

binti Taha, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil, MBSJ, bersama YBhg. Datin Roszita binti Imaduddin, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KESUMA. Turut hadir memeriahkan program ialah YBhg. Datin Syamila binti Yahya, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor, Puan Wan Nurhazwani binti Wan Yusoff, Setiausaha Agung PUSPANITA Kebangsaan, dan wakil-wakil PUSPANITA daripada pelbagai cawangan kementerian serta agensi.

Sebanyak sembilan pasukan telah menyertai pertandingan ini mewakili pelbagai kementerian dan cawangan



kecil. Penganjuran bukan sahaja menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat, malah memperkukuh nilai kerjasama, disiplin serta semangat kesukanan dalam kalangan peserta. Program ini turut menyerlahkan peranan wanita dalam memperkasa jaringan sosial dan membina komuniti harmoni melalui aktiviti riadah.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua peserta atas komitmen dan penglibatan yang diberikan sepanjang pertandingan. Diharapkan penganjuran seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memperkukuh hubungan persaudaraan serta membudayakan amalan hidup sihat dalam kalangan ahli PUSPANITA dan komuniti setempat.

MBSJ ANJUR KEJOHANAN WOODBALL TERBUKA SELANGOR SIRKIT KEBANGSAAN SIRI 3/2025 & JEMPUTAN ANTARABANGSA



Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-5 penubuhan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), satu lagi kejayaan acara sukan peringkat negeri telah direalisasikan melalui Kejohanan Woodball Terbuka Selangor Sirkuit Kebangsaan Siri 3/2025 & Jemputan Antarabangsa, yang berlangsung di Laman Woodball Wawasan, Puchong, Selangor mulai 24 hingga 28 September 2025.

Kejohanan ini dianjurkan oleh MBSJ dengan kerjasama Woodball Selangor dan Persatuan Woodball Malaysia (PWM), sebagai usaha memperkukuh pembangunan sukan woodball yang semakin mendapat sambutan di peringkat komuniti, negeri dan antarabangsa.

Majlis perasmian kejohanan telah disempurnakan oleh YB Tuan Najwan Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri



Selangor bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan YDH. Ts. Dr. Haji Zunuwanas bin Mohamad, Presiden Persatuan Woodball Negeri Selangor.

Turut berlangsung ialah Majlis Penyampaian Hadiah bagi kategori Remaja, yang melibatkan peserta muda berusia bawah 19 tahun.

Seramai 160 peserta dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini, termasuk 50 peserta remaja yang menyertai acara Individu, Beregu dan Beregu Campuran bawah 19 tahun (Lelaki dan Wanita).



Selain sebagai pentas pertandingan, kejohanan ini turut menjadi platform penting melahirkan bakat muda dan memperkasakan sukan woodball sebagai aktiviti riadah sihat di peringkat akar umbi. Ia juga mencerminkan

komitmen MBSJ dalam memupuk gaya hidup aktif, memperkukuh perpaduan komuniti serta mempertingkatkan imej bandar raya Subang Jaya sebagai Bandar Sukan dan Komuniti Sejahtera.



PENYERAHAN BENDERA SUNTIK SEMANGAT KONTINJEN MBSJ KE SUKANUN 2025



Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2025 telah diadakan pada 29 Ogos 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Kejohanan SUKANUN 2025 akan berlangsung dari 7 hingga 14 September 2025 di UiTM Cawangan Seri Iskandar, Perak, dengan penyertaan kontinjen MBSJ dalam sembilan acara sukan iaitu bola sepak 9 sebelah, sepak takraw antara regu, basikal kriterium berpasukan, futsal lelaki, dart berpasukan, karom berpasukan campuran, bola tampar lelaki, tenis boling dan golf berpasukan.

Majlis penyerahan ini menjadi simbol semangat juang dan kebersamaan warga kerja MBSJ dalam menghadapi cabaran kejohanan, di samping memperkukuh disiplin, kerjasama serta komitmen setiap atlet dalam mengharumkan nama bandar raya di peringkat nasional.

Selamat maju jaya diucapkan kepada seluruh kontinjen MBSJ yang akan beraksi di Kejohanan SUKANUN 2025, dengan harapan agar semangat kesukanan dan nilai kerjasama ini terus menyemarakkan budaya sihat serta positif dalam kalangan warga kerja MBSJ.

KEJAYAAN CEMERLANG MBSJ DI KEJOHANAN SUKANUN KE-13



Majlis Penutup Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) Ke-13 telah disempurnakan oleh Associate Professor Dr. Nur Hisham Ibrahim, PMP, Rektor UiTM Cawangan Perak, dengan turut dihadiri oleh Encik Mohamad Fairol Saliken, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM).

Majlis penutup tersebut berlangsung dengan penuh meriah di UiTM Seri Iskandar, Perak pada 13 September 2025, menandakan berakhirnya kejohanan yang berlangsung selama seminggu bermula 7 hingga 13 September 2025.



Dalam kejohanan yang menghimpunkan pelbagai agensi dan badan berkanun seluruh negara ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menunjukkan prestasi membanggakan apabila berjaya menduduki tempat ketujuh keseluruhan berdasarkan kepada kiraan mata.

Dari segi pungutan pingat, MBSJ turut berada di kedudukan keenam dengan pencapaian dua (2) pingat emas menerusi acara Futsal Lelaki dan Karom Berpasukan.

Kejayaan ini menjadi bukti kepada semangat kesukanan, disiplin dan kerjasama erat dalam kalangan warga kerja MBSJ yang telah berjuang dengan penuh dedikasi sepanjang kejohanan berlangsung.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua atlet MBSJ yang telah mengharumkan nama organisasi serta menunjukkan semangat juang yang tinggi. Kejayaan ini sekali lagi



membuktikan bahawa MBSJ bukan sahaja cemerlang dalam pentadbiran dan pembangunan bandar raya, tetapi juga aktif dalam memupuk gaya hidup sihat serta budaya kerja berpasukan dalam kalangan warganya.





PIALA SULTAN SELANGOR 2025 SINGGAH DI MBSJ HANGATKAN SIRI JELAJAH BOLA SEPAK NEGERI



Suasana penuh semangat dan kebanggaan mewarnai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) apabila menjadi antara lokasi utama Siri Jelajah Promosi Piala Sultan Selangor (The Sultan of Selangor's Cup - TSSC) 2025 edisi ke-21. Siri jelajah ini bertujuan menghidupkan semula semangat kesukanan dan persahabatan, sekaligus mengekalkan kehangatan kejohanan berprestij yang sinonim dengan negeri Selangor.

Majlis penyerahan tiket perlawanan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Abd Karim bin Munisar, Pengerusi merangkap Pengurus Pasukan TSSC 2025, bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ. Sebagai tanda sokongan, tiket turut diserahkan kepada YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha, MBSJ, Ahli Majlis, serta pasukan bola sepak lelaki dan wanita MBSJ.

Kehadiran YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., barisan pemain legenda, Ahli Jawatankuasa TSSC 2025, pengurusan tertinggi serta warga kerja MBSJ turut memeriahkan suasana dan menghidupkan nostalgia bola sepak klasik antara Selangor dan Singapura.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2001 atas inisiatif DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Piala Sultan Selangor terus menjadi simbol keakraban dan semangat kesukanan antara dua negeri berjiran. Perlawanan kemuncak edisi 2025 bakal berlangsung pada 27 September 2025 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, dijangka mencipta sekali lagi detik bersejarah yang mengangkat martabat bola sepak Selangor di pentas negara.

TSSC 2025 BUKA TIRAI BOLA SEPAK PERSAHABATAN



Pelancaran The Sultan of Selangor's Cup (TSSC) 2025 membuka tirai baharu kepada penganjuran kejohanan bola sepak berprestij antara Selangor dan Singapura yang sentiasa dinanti peminat sukan tanah air. Majlis pelancaran Siri Jelajah Publisiti TSSC 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Abd Karim bin Munisar, Pengerusi merangkap Pengurus Pasukan TSSC, pada 2 Ogos 2025 sebagai simbol permulaan promosi kejohanan yang berprestij ini.

Turut hadir menyatakan sokongan ialah YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar, MBSJ, serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ, bersama barisan pemain bola sepak Selangor yang menyeronokkan majlis. Kehadiran pimpinan MBSJ mencerminkan komitmen terhadap usaha memperkukuh semangat kesukanan dan perpaduan dalam kalangan komuniti sukan negeri.

Perlawanan kemuncak The Sultan of Selangor's Cup 2025 dijadual berlangsung pada 27 September 2025 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tiket dan jersi rasmi boleh didapati di beberapa lokasi terpilih termasuk Restoran Uncle K, SACC Mall Shah Alam, Concorde Hotel Kuala Lumpur dan Concorde Hotel Shah Alam. Menurut laporan BERNAMA, TSSC bukan sekadar kejohanan bola sepak, malah simbol persahabatan antara Selangor dan Singapura. Pemain sayap Selangor FC, Faisal 'Mickey' Halim turut menyatakan bahawa kejohanan ini menjadi pembakar semangat pasukan menjelang musim baharu Liga Malaysia.

Kejohanan ini diharap dapat terus mengangkat martabat bola sepak negeri serta menjadi platform memperkukuh semangat kesukanan dan kebersamaan rakyat, seiring usaha membina komuniti sukan yang bersatu dan berdaya saing.



PERLAWANAN PERSAHABATAN MBSJ FC DAN VETERAN SELANGOR SEMARAK SEMANGAT KESUKANAN



Perlawanan persahabatan antara MBSJ FC dan Veteran Selangor telah berlangsung pada 27 Ogos 2025 jam 8.30 malam bertempat di Arena MBSJ.

Turut hadir menyaksikan perlawanan ini ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBhg. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn. Bhd. serta



barisan pemain legenda bola sepak serta pegawai MBSJ.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat atas semangat kesukanan yang ditunjukkan sepanjang perlawanan. Program ini juga menjadi platform yang baik untuk mengukuhkan jalinan silaturahmi serta memupuk budaya sukan yang sihat dalam komuniti MBSJ.



SELANGOR JULANG PIALA SULTAN SELANGOR 2025



dalam kejohanan berprestij ini mencerminkan sokongan padu terhadap agenda kesukanan negeri yang berteraskan perpaduan, jati diri dan semangat cintakan negeri Selangor.

Perlawanan akhir menyaksikan pasukan Pilihan Selangor menewaskan pasukan Pilihan Singapura dengan keputusan 2-1, sekaligus menobatkan Selangor sebagai juara edisi 2025 dalam suasana penuh sorakan, semangat kesukanan dan kebanggaan penyokong di Stadium Merdeka. Kejohanan ini bukan sahaja mengangkat martabat bola sepak negeri, malah memperkukuh hubungan dua hala dan nilai persahabatan rentas sempadan yang menjadi tunjang kejayaan program diraja ini.

Piala Sultan Selangor 2025 terus menjadi simbol penyatuan rakyat melalui sukan, mencerminkan aspirasi DYMM Sultan Selangor terhadap kesejahteraan, keharmonian dan kemajuan negeri Selangor. Kejayaan penganjuran ini membuktikan bahawa sukan bukan sekadar gelanggang pertandingan, tetapi juga wadah memperteguh perpaduan dan semangat kekitaan rakyat.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibtin Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, berkenan merasmikan Piala Sultan Selangor 2025 (The Sultan of Selangor's Cup - TSSC) bersama Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, bertempat di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, pada 27 September 2025.

Penganjuran kejohanan berprestij ini menjadi lambang semangat perpaduan dan persahabatan antara negeri Selangor dan Singapura yang terus subur sejak edisi pertama dianjurkan pada tahun 2001 atas titah dan ilham DYMM Sultan Selangor.

Turut serta YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd. Rahim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, serta barisan pegawai MBSJ. Kehadiran MBSJ

Gemilang MBSJ

Semak, tempah dan bayar bil MBSJ dengan mudah



*Urusan pantas
di hujung jari!*

Pembayaran dalam talian tanpa tunai
(Kad Kredit, FPX, TnG e-Wallet)

Muat turun aplikasi
Gemilang MBSJ



HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.